Design & Printed by Abadi Ilmu

LAPORAN TAHUNAN 2003 ANNUAL REPORT

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA




SSM

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2003 ANNUAL REPORT

# Di Sebalik Reka Bentuk Kulit Hadapan   *Basis for Cover Design*

Gambaran beberapa imej dengan latar belakang langit di Kuala Lumpur melambangkan rangkaian sektor perniagaan dan industri di Malaysia. Bahagian atas sebelah kiri hingga ke bawah sebelah kanan melambangkan sektor perusahaan dan pembangunan, kelab rekreasi dan pelancongan, petroleum dan hasil pertanian. Kesemua aktiviti ini adalah berkaitan dengan peranan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai badan kawalselia dan digambarkan melalui beberapa akta yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.



*Images that symbolize the network of the business and industrial trade sectors in Malaysia are laid against the backdrop of the enchanting Kuala Lumpur skyline. From top left to bottom right are symbols of manufacturing and development, recreational clubs and tourism, petroleum and agriculture produce; all related to the statutory and regulatory role of the Companies Commission of Malaysia that is highlighted by the statutes representing the various legislation that are being governed by the Companies Commission of Malaysia.*

# Kandungan   *Contents*


| Kandungan | Muka Surat | Contents |
|---|---|---|
| **Visi, Misi, Objektif Strategi** | 2 | ***Vision, Mission, Strategic Objectives*** |
| **Penyataan Korporat Sepintas Lalu** | 4 | ***Corporate Statement At A Glance*** |
| **Perutusan Y.B. Menteri** | 8 | ***Minister's Foreword*** |
| **Profil Korporat** | 12 | ***Corporate Profile*** |
| Fungsi Utama • | 13 | • *Main Functions* |
| Kuasa • | 14 | • *Powers* |
| **Pasukan yang Mara Berganding Bahu** | 16 | ***The Team that Forges Ahead*** |
| Ahli Suruhanjaya • | 20 | • *Members of the Commission* |
| Pengurusan • | 26 | • *Management* |
| Jawatankuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia • | 27 | • *Committees of the Companies Commission of Malaysia* |
| Ibu Pejabat / Pejabat-pejabat Negeri • | 28 | • *Head Office / State Offices* |
| **Piagam Pelanggan** | 31 | ***Client Service Charter*** |
| Piawai yang Tertinggi • | 32 | • *The Highest of Standards* |
| **Kenyataan Pengerusi** | 35 | ***Chairman's Statement*** |
| **Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif** | 39 | ***Message From The CEO*** |
| **Tahun 2003** | 45 | ***The Year 2003*** |
| Rancangan Straregik yang Utama • | 46 | • *Significant Strategic Programmes* |
| Aktiviti • | 50 | • *Activities* |
| **Peristiwa Penting** | 60 | ***Events*** |
| **Melangkah ke Hadapan** | 67 | ***The Way Forward*** |
| Inisiatif Strategik yang akan dijalankan dalam Tahun 2004 • | 68 | • *Strategic Initiatives to be advanced in 2004* |
| **Kenyataan Kewangan** | 71 | ***Financial Statements*** |

## Visi

Untuk menjadi pusat kecemerlangan bagi penyediaan maklumat, penguatkuasaan, pembangunan dan penyelidikan korporat; yang mampu bertindak balas dengan perubahan persekitaran perniagaan, ke arah mempertingkatkan daya saing ekonomi negara.

## *Vision*

*To be a centre of excellence for corporate information, regulation, development and research; responsive to a dynamic business environment, towards enhancing national economic competitiveness.*

## Misi

- Untuk menggalak dan mewujudkan persekitaran perniagaan dan pengawalseliaan yang sesuai dan dinamik.
- Untuk menyediakan maklumat dan perkhidmatan yang cepat, tepat dan bernilai-tambah berasaskan penggunaan teknologi.
- Untuk menyemai amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pendidikan berterusan, pengawasan dan penguatkuasaan yang berkesan.

## *Mission*

- *To promote and cultivate a conducive and dynamic business and regulatory environment.*
- *To provide timely, accurate and value-added information and services enabled by technology.*
- *To instil good corporate governance through continuous education and effective surveillance and enforcement.*

## Objektif Strategik

Dalam melaksanakan Misi serampang tiga-mata untuk merealisasikan harapan yang didefinisikan melalui penyataan di dalam Misi kami, lapan (8) objektif strategik telah digariskan iaitu:

1. Mencapai kecemerlangan operasi dalam menyediakan perkhidmatan melalui inovasi dan penggunaan teknologi dan saluran yang canggih.
2. Menarik minat, membangun dan mengekalkan sumber manusia yang berdaya saing dan mempunyai pelbagai kemahiran.
3. Mengambil inisiatif, membangun dan melaksanakan rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh selaras dengan perubahan dalam persekitaran perniagaan.
4. Menyemai amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pendidikan berterusan.
5. Memastikan pematuhan melalui pengawasan dan penguatkuasaan peraturan yang berkesan.
6. Mempertingkatkan hasil dan kecekapan operasi bagi memastikan pertumbuhan prestasi kewangan yang mampan.
7. Menjalin hubungan kerjasama yang erat dengan badan-badan profesional, agensi kawal selia dan pentadbir korporat antarabangsa yang lain.
8. Membangun dan memelihara kecemerlangan imej korporat.

## *Strategic Objectives*

*In the execution of our three-pronged Mission to realise the expectations defined by our Vision statement, eight (8) significant strategic objectives were highlighted for attention and conscious emphasis.*

1. *To achieve operational excellence in providing services through innovation and use of technology and efficient delivery channels.*
2. *To attract, develop and retain competent and multi-skilled human resources.*
3. *To initiate, develop and implement a comprehensive regulatory framework in tandem with the changing business environment.*
4. *To instil good corporate governance through continuous education.*
5. *To ensure compliance through effective surveillance and enforcement.*
6. *To enhance revenue and operational efficiency to ensure sustainable growth in financial performance.*
7. *To collaborate with professional bodies, other regulatory agencies and international corporate administrators.*
8. *To develop and sustain an excellent corporate image.*




# PENYATAAN KORPORAT SEPINTAS LALU

# *CORPORATE STATEMENT AT A GLANCE*



# Mengemudi Malaysia Ke Hadapan

# *Steering Malaysia Forward*

**Peningkatan Yang Berterusan Dengan Kapasiti Optimum**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya Syarikat) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Matlamat strategik kami ialah untuk menjadi pusat hentian setempat bagi memperoleh maklumat korporat, pengawalseliaan dan perkembangan dalam persekitaran perniagaan korporat yang kondusif selaras dengan aspirasi negara ke arah membina persekitaran perniagaan yang maju di Malaysia.

***Capacity Optimisation and Continuous Enhancement***

*The Companies Commission of Malaysia (the Companies Commission) is an agency of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs. Our strategic aim is to become a one-stop centre for corporate information, regulation and development of corporate business environment, acting as a central driving force behind the nation's ambition to establish and mould the best and most conducive environment towards the successful enhancement of a thriving business in Malaysia.*

**Kami mengawalselia entiti korporat dan perniagaan di Malaysia untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang sihat bagi negara.**

*We regulate the corporate and business entities in Malaysia to ensure healthy economic growth for the nation.*

Kami mendaftar, memperbadan dan membatal pendaftaran (strike off) syarikat-syarikat dan perniagaan di Malaysia dan menguatkuasakan pematuhan ke atas kehendak berkanun dan pengawalseliaan yang berkaitan, termasuk mendaftar dokumen-dokumen yang perlu difailkan serta menyediakan maklumat kepada orang awam.

Usaha kami yang berterusan ke arah penyediaan perkhidmatan secara elektronik akan membolehkan pemprosesan data dilakukan dengan lebih cepat dan kebolehcapaian maklumat yang efisyen dan selesa kepada pelanggan kami.

*We register, incorporate and strike off companies and businesses in Malaysia; and enforce compliance pursuant to statutory and regulatory requirements that apply, including the registering of documents that need to be filed (whether on a one-off or regular basis) and the provision of company information to the public.*

*Our continued efforts to provide electronic services will allow prompt processing of data and greater accessibility to information, which translate into greater opportunities for an efficient and convenient system for our customers.*

**Kami menerajui amalan tadbir urus korporat yang baik dan berusaha menyediakan perkhidmatan yang cepat, cekap, berkesan dan berkualiti bagi menggalakkan perusahaan.**

*We champion good corporate governance and strive to provide prompt, efficient, effective and quality services to promote enterprise.*

Melalui pendaftaran perniagaan dan syarikat di seluruh negara, organisasi kami memberi tumpuan ke arah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan bernilai-tambah yang berkualiti dalam semua bidang pembangunan perniagaan. Pada masa yang sama, kami memberi keutamaan dalam mengekalkan persekitaran dan sikap yang mesra-pelanggan pada setiap masa kerana kepuasan pelanggan adalah keutamaan kami. Oleh yang demikian, kami yakin akan dapat melaksanakan tanggungjawab kami kepada negara untuk menyediakan asas yang kondusif kepada perniagaan tempatan mahu pun dari luar negara.

Dengan komitmen kami untuk sentiasa menggalak, mengembang dan memberi kemudahan kepada perdagangan dan industri, Suruhanjaya Syarikat akan terus memainkan peranan utama sebagai pengawal dalam mengemudi komuniti korporat dan perniagaan negara ke hadapan.

*Through our company and business registries nationwide, we will strive to provide quality value-added services and facilities in virtually all areas connected with business development. At the same time, we place great importance in maintaining a customer-friendly environment and attitude at all times because our customers come first in all that we do. With these complementing priorities, we are confident of our strategic role as a fundamental part of a nation that is conducive to local and foreign businesses alike.*

*With our commitment to constantly facilitate trade and industry, the Companies Commission will continue to perform its role as a regulator in the steering of Malaysia's corporate and business communities forward into the future.*





# PERUTUSAN Y.B. MENTERI

# *MINISTER'S FOREWORD*

**Assalamualaikum wbkt. dan salam sejahtera.**

Dalam iklim ekonomi yang tidak menentu di Asia, Malaysia masih menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak awal 90-an, dan berterusan sehingga ke alaf baru ini. Sektor korporat dan perniagaan di Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan dari segi saiz, jumlah, struktur dan kepelbagaian komersial. Kerajaan turut menggalakkan pertumbuhan ini dengan dasar penswastaan serta pelbagai insentif bagi menggalakkan perusahaan serta menarik pelabur asing.

Suruhanjaya Syarikat ditubuhkan untuk menguruskan secara langsung keperluan semasa dalam perniagaan di Malaysia bagi memastikan sektor korporat dan perniagaan bersedia untuk menghadapi evolusi amalan perniagaan akibat daripada perubahan dalam persekitaran dunia. Kebebasan dalam perdagangan dunia dan pelbagai pembangunan seperti kemajuan bidang teknologi maklumat, peraturan Kawasan Bebas Perdagangan Asean (AFTA) serta pola geopolitik yang tidak diduga membawa kepada perubahan-perubahan dalam aspek pentadbiran perdagangan dan industri pada alaf baru ini. Tambahan pula, apabila perhubungan dunia menjadi semakin rapat iaitu dikenali sebagai dunia tanpa sempadan, syarikat-syarikat di Negara ini semakin terdedah kepada pelbagai ancaman dan persaingan daripada syarikat serantau dan dunia. Oleh yang demikian syarikat dan perniagaan di Malaysia sangat memerlukan perspektif global dalam tadbir urus korporat yang baik bagi mencapai serta mengekalkan pertumbuhan yang berterusan.

Lebih banyak syarikat dan perniagaan telah berdaftar pada tahun lepas berbanding tahun sebelumnya walaupun berlaku berbagai peristiwa yang tidak dijangka di peringkat global dan serantau yang selalunya memberi kesan kepada sektor perusahaan. Pencapaian ini adalah sungguh positif dan harus dijadikan dorongan bagi Suruhanjaya Syarikat untuk terus berusaha mewujudkan persekitaran korporat yang mesra perniagaan, di samping mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia supaya menyumbang kepada negara yang berdaya saing ekonomi.

*Despite the volatile economic climate in Asia, Malaysia has nevertheless enjoyed a rapid economic growth since the early 90s, and this has continued into the new millennium. The corporate and business sectors in Malaysia have recorded growth in terms of size, volume, structure and commercial diversity. This growth was further encouraged by the government through privatisation policies and various incentives to promote enterprise and attract foreign investments.*

*The Companies Commission was formed to directly address current necessities within Malaysia's business environment, to ensure that the corporate and business sectors are geared up to face the evolution of business practices brought about by the changing world environment. Liberalisation of world trade and numerous developments such as advances in information and communications technology (ICT), regulation of the Asean Free Trade Area (AFTA) as well as unpredictable global geopolitical patterns have led to changes in aspects of how trade and industry are run in the new millennium. Moreover, as the world slowly becomes connected as a global village, companies in the nation are increasingly exposed to all forms of threat and competition posed by companies in the region and beyond. As such, companies and businesses in Malaysia have a strong need for global perspective and good corporate governance in order to achieve and maintain sustainable growth.*

*More companies and businesses have been registered in the past year compared to the previous, despite the incidence of unexpected global and regional events that usually affect enterprise. This is positive news and should serve as motivation for the Companies Commission's continued endeavours to create a business-friendly corporate environment, as well as reduce the costs of doing business in Malaysia in order to contribute to national economic competitiveness.*

*The Companies Commission is the first agency of this Ministry that has been given autonomy to facilitate development into a centre of excellence for the management of corporate information and regulation. In the second half of 2003, a clear strategic direction was identified and adopted. Implementation*

Suruhanjaya Syarikat merupakan agensi pertama di Kementerian ini yang diberi kuasa autonomi untuk memudahkan pembangunan pengurusan maklumat dan pengawalseliaan korporat yang cemerlang. Pada separuh kedua tahun 2003, hala tuju strategik yang lebih jelas telah dikenal pasti dan diterima pakai. Pelaksanaan inisiatif utama bermula pada akhir tahun dan saya amat berbesar hati apabila mendapati Suruhanjaya Syarikat telah memulakan perancangan dengan kaedah yang terkini dan moden bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti. Di samping perancangan semula sistem operasi dan proses latihan semula sumber manusia bagi menangani perubahan, Suruhanjaya Syarikat juga telah membuat pelaburan dalam infrastruktur bagi menyediakan perkhidmatan web elektronik untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada awam. Asas strategik kini telah dibina bagi menyokong usaha-usaha Suruhanjaya Syarikat untuk melaksanakan piawai global yang terbaik kepada syarikat di dalam Negara ini.

Walaupun saya hanya mengambil alih jawatan Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 2004, namun melalui laporan yang diterima saya mendapati bahawa tahun 2003 telah memberi penumpuan ke arah menambahbaikan kecekapan dan keberkesanan kemudahan dalaman Suruhanjaya Syarikat; manakala tahun berikutnya saya berharap akan dapat menyaksikan satu anjakan dari segi tumpuan kepada kawalan luaran, pengawalseliaan ke arah meningkatkan pematuhan dan menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Saya akan sentiasa memantau hasil pencapaian badan berkanun contoh ini dan menyokong usaha yang kini dalam proses ke arah mencapai wawasan sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang setaraf dengan badan-badan kawalselia taraf dunia yang lain.

**Datuk Hj. Mohd Shafie Apdal**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
*Minister of Domestic Trade & Consumer Affairs*
Mei 2004 / *May 2004*

*of key initiatives started towards the end of the year and it is heartening to note that the Companies Commission has embarked on plans for a new and modern methodology to deliver quality services. In addition to reengineering its operation system, processes and retraining its human resources to cope with change, the Companies Commission has also made an astute and committed investment in the infrastructure to provide web-enabled electronic services to serve the public even better. The strategic foundation is in place to support its efforts to apply the best in global standards to our domestic front.*

*I was only recently appointed as the Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs, in 2004. However, evaluation of reports submitted to me has provided clear indication that the Companies Commission had focused on improving the efficiency and effectiveness of its internal capabilities in 2003. Subsequently, the following year will see a shift in attention to external surveillance, regulation to improve compliance and the active promotion of good corporate governance.*

*I look forward to monitoring the results of this exemplary statutory body that is assuredly on its way towards achieving its vision of becoming a centre of excellence on par with other world-class regulatory bodies.*




# PROFIL KORPORAT

# *CORPORATE PROFILE*



# Profil Korporat / *Corporate Profile*

**Suruhanjaya Syarikat Malaysia** ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) pada 27 September 2001 dan mula beroperasi pada 16 April 2002 hasil daripada penggabungan antara Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan di Malaysia.

Suruhanjaya Syarikat telah diberikan kuasa autonomi untuk merancang dan mengurus semua aspek pentadbiran, pengurusan, sumber manusia dan kewangan. Keputusan ini telah diluluskan oleh Parlimen dan seterusnya memberi kuasa kepada Suruhanjaya Syarikat untuk memberikan perkhidmatan bernilai-tambah yang moden dan produktif bagi mendorong perusahaan dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak korporat dan perniagaan yang beroperasi mengikut arah aliran terkini perdagangan dan industri.

*The **Companies Commission of Malaysia** was established in Malaysia under the Companies Commission of Malaysia Act 2001 (Act 614) on 27 September 2001, and came into operation on 16 April 2002 as a result of a merger between the former Registrar of Companies (ROC) and the Registrar of Businesses (ROB) in Malaysia.*

*The Companies Commission has been vested autonomy to plan and manage all aspects of its administration, management, human resources and finance. This decision was approved by Parliament and consequently allows the Companies Commission to promote modern and productive value-added services that encourage enterprise, and to better serve the corporate and business communities that operate in up-to-date trends of trade and industry.*

**Kuasa autonomi diperoleh daripada Akta 614 yang membenarkan fleksibiliti dan pelaksanaan segera bagi inisiatif strategik ke arah kemajuan yang dinamik, persaingan global dan pertumbuhan yang mampan.**

*Powers of autonomy derived from Act 614 allow flexibility and swift execution of a meticulous series of strategic initiatives for dynamic progress, global competitiveness and sustainable growth.*

Suruhanjaya Syarikat ialah sebuah pusat hentian setempat bagi pengawalseliaan dan memenuhi kehendak dan keperluan asas sektor korporat dan perniagaan di Malaysia. Penubuhannya adalah bertujuan untuk mewujudkan dan memastikan sektor korporat dan pembangunan persekitaran perniagaan yang sihat dan dinamik di Malaysia. Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Syarikat bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang yang berikut:

- Akta Syarikat 1965 (Akta 125)
- Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197)
- Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100)
- Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28); dan
- Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-akta yang tersebut di atas.

*The Companies Commission serves as a one-stop centre for the regulation and fulfilment of the fundamental needs and requirements of Malaysia's corporate and business sectors. (It was established with the purpose of creating and maintaining a healthy and dynamic environment for the development of the corporate and business sectors in Malaysia). As an agency of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, the Companies Commission is responsible for the administration and enforcement of the following legislation:*

- *Companies Act 1965 (Act 125);*
- *Registration of Businesses Act 1956 (Act 197);*
- *Trust Companies Act 1949 (Act 100);*
- *Kootu Funds (Prohibition) Act 1971 (Act 28); and*
- *Subsidiary legislations under the above mentioned Acts.*

**Kami menguatkuasakan undang-undang dan menerajui usaha-usaha ke arah mengawalselia dan memenuhi keperluan dan kehendak sektor korporat dan perniagaan di Malaysia.**

*We enforce legislation and spearhead efforts to regulate and fulfil the prevailing needs and requirements of Malaysia's corporate and business sectors.*

## Fungsi Utama

Suruhanjaya Syarikat telah diberi kuasa berkanun di bawah Akta 614 untuk berperanan sebagai agensi utama untuk mendaftar, memperbadan dan memansuhkan pendaftaran syarikat dan perniagaan di Malaysia. Di samping itu, ia juga diberi kuasa untuk mengambil inisiatif meminda undang-undang dan seterusnya menguatkuasakannya. Suruhanjaya Syarikat berkerja rapat dengan badan-badan kawalselia dan profesional yang lain bagi memastikan penguatkuasaan peraturan, polisi dan prosedur korporat yang memberi kesan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Fungsi-fungsi utama Suruhanjaya Syarikat seperti dijelaskan dalam Akta 614 termasuk:

- Mentadbir dan menguatkuasa Akta dan perundangan yang berkaitan;
- Peranan sebagai penyimpan rekod berkanun korporat;
- Mengawalselia perkara berhubung pendaftaran syarikat dan perniagaan, serta peraturan perkara yang berkaitan;
- Membekalkan maklumat korporat dan perniagaan kepada pihak awam;
- Bertindak sebagai ejen kerajaan dalam penguatkuasaan dan pungutan fi yang ditetapkan;
- Menggalakkan tatalaku beretika di kalangan Pengarah, setiausaha syarikat, pengurus dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan syarikat atau perniagaan;
- Menjalankan penyelidikan mengenai perkara berkaitan dengan syarikat dan perniagaan.
- Berperanan sebagai penasihat kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tentang perkara-perkara umum yang berkaitan dengan badan korporat syarikat dan perniagaan; dan

## *Main Functions*

*The Companies Commission has been vested the statutory power under Act 614 to act as an agency primarily to register, incorporate and strike off companies and businesses in Malaysia. In addition, it is empowered to develop and initiate amendments to the laws that it governs as well as enforce the law. The Companies Commission also works closely with other regulatory and professional bodies to ensure the enforcement of corporate regulations, policies and procedures that affect various stakeholders.*

*The main functions of the Companies Commission are clearly defined in Act 614, and include:*

- *the administration and enforcement of relevant Acts and related legislation;*
- *the role as custodian of corporate statutory records;*
- *the registration of companies and registration of businesses, as well as the regulation of related matters;*
- *the supply of corporate and business information to the public;*
- *the role as a government agent in the enforcement and collection of prescribed fees;*
- *the inculcation of ethical conduct amongst directors, company secretaries, managers and personnel directly involved in the management of a company or business;*
- *research on matters relating to companies and businesses;*
- *the role of adviser to the Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs on general matters pertaining to corporations, companies and businesses; and*

- Pencapaian aktiviti yang relevan dan sesuai untuk memastikan pentadbiran yang berketrampilan dan keberkesanan pelaksanaan fungsi-fungsi Suruhanjaya seperti yang disenaraikan di dalam Akta.

- *the accomplishment of relevant and appropriate activities to ensure proficient administration and effective implementation of the Commission's functions listed in the Act.*

## Kuasa

Akta 614 telah memberi kuasa yang khusus kepada Suruhanjaya Syarikat untuk memudahkan pelaksanaan fungsi-fungsinya dengan berkesan. Ini termasuklah kebebasan dan autonomi untuk:

- menggunakan kedua-dua harta alih dan tidak alih;
- mengenakan fi atau caj terhadap perkhidmatan yang diberikan;
- melantik ejen, pakar atau perunding untuk menyempurnakan bidang kerja yang khusus;
- memberikan pinjaman kepada pekerja;
- merancang dan menjalankan rancangan pembangunan sumber manusia;
- bekerjasama dengan mana-mana organisasi untuk membentuk perkongsian pintar;
- menubuhkan jawatankuasa untuk memimpin, melaksana dan/atau menyemak semula fungsi-fungsinya. Ahli-ahli jawatankuasa boleh terdiri daripada Anggota Suruhanjaya yang sedia ada ataupun mana-mana bukan Anggota yang difikirkan layak.

Sejajar dengan dasar korporat Suruhanjaya Syarikat yang baru, satu objektif strategi dirangka untuk menyokong pernyataan Visi dan Misi Suruhanjaya yang mula dibentuk pada suku kedua dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat pada suku ketiga tahun 2003. Pelaksanaan inisiatif strategik utama untuk menyokong prinsip-prinsip ini dilaksanakan pada suku terakhir tahun tersebut. Transfomasi yang dirancang ini adalah untuk membangunkan pasukan kakitangan yang progresif dan mampu untuk menerima kaedah dan sikap kerja yang memenuhi keperluan perdagangan dan industri pada alaf baru.

## *Powers*

*Act 614 has granted specific powers to the Companies Commission to facilitate effective execution of its functions. These include the freedom or autonomy to:*

- *utilise both fixed and variable assets;*
- *impose fees or charges for services rendered;*
- *appoint agents, experts or consultants to accomplish specific scope of works;*
- *provide loans to employees;*
- *plan and carry out human resource development programmes;*
- *collaborate and/or cooperate with any other organisation(s) to form smart partnerships; and*
- *form committees to lead, perform and/or review its functions where members of such committee(s) may be existing members of the Commission or any other person deemed suitable for the job.*

*In line with the Companies Commission's new corporate outlook, a new set of strategic objectives were drafted to support our new Vision and Mission statements created in the second quarter and approved by Members of the Commission in the third quarter of 2003. Implementation of several key strategic initiatives to support these underlying principles commenced in the third quarter of the year. This transformation was made with the aim of building a progressive team which is able to adopt a work methodology and attitude that effectively meet the demands of trade and industry in the new millennium.*



## PASUKAN YANG MARA BERGANDING BAHU

## *THE TEAM THAT FORGES AHEAD*



# Pasukan Yang Mara Berganding Bahu

# *The Team that Forges Ahead*

Pasukan di belakang tabir Suruhanjaya Syarikat merupakan aset kami yang sangat penting. Mereka saling melengkapi ke arah merancang dan melaksanakan mekanisme yang akan menjayakan matlamat strategik kami. Sementara setiap jabatan ditadbir dengan fungsi yang jelas dan setiap Anggota Suruhanjaya Syarikat dan kakitangan bertanggungjawab untuk memainkan peranan yang tertentu; kami tidak pernah melupakan peranan kami sebagai satu pasukan. Dalam melaksanakan fungsi utama dan mencapai matlamat yang sama, setiap individu di Suruhanjaya Syarikat bekerja bersama-sama dengan semangat berpasukan yang tinggi.

*The team behind the scenes at the Companies Commission is our most important asset. They complement one another to plan and operate the mechanism that leads to the achievement of our strategic aims. While each department governs a distinct function and every member and personnel is accountable for different roles; we never lose sight of the big picture. In delivering our main functions and meeting our common aims, everyone at the Companies Commission works together and forges ahead as a cohesive team.*

**Kami memproses dengan segera dokumen yang banyak diterima setiap tahun dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi.**

*United as one, we handle the prompt processing of mountains of paperwork each year.*



Suruhanjaya Syarikat ditadbir oleh Anggota Suruhanjaya. Subseksyen 6(1) Akta 614 menyatakan bahawa Anggota Suruhanjaya Syarikat dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lima (5) tetapi tidak lebih daripada tujuh (7) orang yang lain di mana tiga (3) mestilah daripada perkhidmatan awam. Anggota bermesyuarat untuk memberi nasihat tentang pengurusan agensi, khususnya pelan strategik, sasaran dan prestasi yang harus mematuhi piawai polisi, prosedur dan operasi yang diperlukan daripada Suruhanjaya Syarikat sebagai sebuah badan berkanun.

*The Companies Commission is governed by Members of the Commission. Subsection 6(1) of Act 614 stipulates that the Members of the Companies Commission are to be appointed by the Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs; to consist of a Chairman, a Chief Executive Officer (CEO) and not less than five (5) but not more than seven (7) other people of whom three (3) shall be from the public service. The Members meet to provide advice on the governance of the agency, in particular its strategic plans, targets and performance, which must comply with policies, procedures and operating standards expected of the Companies Commission as a statutory body.*

**Suruhanjaya terdiri daripada para pegawai kanan dari sektor awam dan anggota bebas dari sektor swasta. Komposisi ini mencerminkan matlamat kerajaan untuk membawa dan menggabungkan amalan terbaik dari sektor awam dan swasta.**

*The Commission consists of senior public sector representatives and independent members from the private sector. Its composition reflects the government's aim of drawing on and integrating the best practice from the public and private sectors.*

Ketua Pegawai Eksekutif mengetuai pelaksanaan pelan strategik dan bertanggungjawab kepada Anggota Suruhanjaya bagi operasi harian Suruhanjaya Syarikat. Beliau dilantik oleh Menteri, dengan dibantu oleh dua orang timbalan (Pengarah) yang bertanggungjawab ke atas semua pengurusan operasi pejabat. Jabatan-jabatan diketuai oleh Pengurus Besar yang bertanggungjawab merealisasikan matlamat yang diterjemahkan kepada objektif Suruhanjaya Syarikat yang khusus dan realistik.

*The CEO leads in the execution of the strategic plan and is responsible to the Members of the Commission for the day-to-day running of the Companies Commission. He is appointed by the Minister, and supported by two deputies (Directors) who are responsible for the operational management of the front and back-end office operations. The departments are headed by General Managers who are accountable for the realisation of goals transformed into specific and realistic objectives of the Companies Commission.*

# Struktur Organisasi *Organisation Structure*





# ANGGOTA SURUHANJAYA

# *MEMBERS OF THE COMMISSION*



**Datuk Dr. Sulaiman bin Mahbob**
Pengerusi / *Chairman*

Datuk Dr. Sulaiman memulakan kerjaya beliau pada tahun 1971 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di beberapa jabatan termasuk Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Timbalan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia dan Ketua Setiausaha Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Kini Datuk Dr Sulaiman ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sejak Februari 2001.

Datuk Dr. Sulaiman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi di Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Sains dari University of London dan Doktor Falsafah dari Syracuse University, Amerika Syarikat.

Pada masa ini, beliau juga merupakan Ahli Suruhanjaya Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Bank Simpanan Nasional dan Pengurusan Pelaburan Amanah Saham Nasional Berhad dan juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan Malaysian Intellectual Property Corporation.

*Datuk Dr. Sulaiman bin Mahbob began his career in 1971 as an Administrative and Diplomatic Officer serving in several departments including the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department and the Ministry of Finance. Subsequently, he also served as the Executive Director of Malaysian Institute of Economic Research (MIER), Deputy Vice Chancellor of University Utara Malaysia and Head of Secretariat of the National Economic Action Council (NEAC). Currently, Datuk Dr. Sulaiman is the Secretary-General of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, a position he has been holding since February 2001.*

*Datuk Dr. Sulaiman holds a Bachelor (Hons) in Economics from the University of Malaya, a Master of Science from the University of London and a PhD from Syracuse University, United States of America.*

*Presently, he is a member of the Energy Commission, Communication and Multimedia Commission, Board of Bank Simpanan Nasional and is in the management of Pelaburan Amanah Saham Nasional Berhad, as well as a member of the Board of Directors of Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) and Malaysian Intellectual Property Corporation.*



**Abdul Alim Abdullah**
Ketua Pegawai Eksekutif
*Chief Executive Officer*

En. Abdul Alim Abdullah yang berkelulusan Barrister-At-Law, Lincoln's Inn, London telah memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Undang-Undang pada tahun 1978 sebelum menyandang jawatan Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman di Melaka pada tahun yang sama.

Beliau telah dilantik sebagai Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada tahun 1981 dan seterusnya Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 1983. Dari tahun 1984 dan 1996, beliau telah menyendang pelbagai jawatan penting; antaranya sebagai Timbalan Pendakwa Raya, Hakim Mahkamah Sesyen, Penasihat Undang-Undang Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri. Semasa berkhidmat di negeri Johor, beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah YPJ Holdings Sdn. Bhd., Johor Coastal Development Sdn.Bhd., Johor Corporation dan Yayasan Pelajaran Johor. Selepas itu beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan, Kuala Lumpur pada tahun 2000, sebelum dilantik sebagai Pendaftar Syarikat Malaysia yang ke 11 pada 1 April 2002. Encik Abdul Alim merupakan Pendaftar Syarikat yang terakhir sebelum ROC dan ROB disatukan menjadi SSM.

Beliau sekarang turut menjadi ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Sekuriti dan menganggotai Lembaga Pengarah Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Yayasan Laporan Kewangan dan Jawatankuasa Pelaburan Asing.

*Encik Abdul Alim Abdullah is a Barrister-At-Law, Lincoln's Inn, London. He began his public service career as a Legal Officer in 1978 before being appointed Assistant Director with the Legal Aid Bureau in Melaka in the same year.*

*He was appointed Senior Assistant Registrar with the Penang High Court in 1981 and, subsequently, the Kuala Lumpur High Court in 1983. Between 1984 and 1996, he held various important positions, which include Deputy Public Prosecutor, Sessions Court Judge, Legal Advisor to the Royal Customs and Excise Department, Johor State Legal Advisor as well as Legal Advisor to the Home Ministry. During his service in Johor, he was appointed Board Member of YPJ Holdings Sdn Bhd, Johor Coastal Development Sdn Bhd, Johor Corporation and the Johor Education Foundation (Yayasan Pelajaran Johor). In 2000, he was appointed Industrial Court Chairman, Kuala Lumpur, before his appointment as the 11th Registrar of Companies Malaysia on April 1, 2002. Encik Abdul Alim was the last Registrar of Companies before the merger of the ROC and ROB to become the Companies Commission of Malaysia.*

*At present, Encik Abdul Alim is also a member of the Board of Directors of the Securities Commission, a Board Member for the Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA), Malaysia Financial Reporting Foundation and the Foreign Investment Committee.*



**Dato' Idrus Harun**

Dato' Idrus Harun yang berkelulusan LLB (Kepujian) dari Universiti Malaya memulakan kerjaya beliau sebagai Pegawai Undang-Undang pada tahun 1980. Dari tahun 1980 hingga 1997, beliau memegang pelbagai jawatan penting termasuklah Penolong Penggubal Undang-Undang, Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Yang DiPertua Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwaraya, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, Peguam Kanan Persekutuan Suruhanjaya Pilihanraya dan Timbalan Pendakwaraya, Badan Pencegah Rasuah.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa Jabatan Peguam Negara pada tahun 1997. Dari 1 Oktober 1998 hingga 15 Februari 2002, beliau dilantik sebagai Pendaftar Syarikat. Dalam tempoh tersebut, beliau telah menganggotai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Yayasan Laporan Kewangan Malaysia, Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi Tadbir Urus Korporat.

Kini Dato' Idrus merupakan Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa di Jabatan Peguam Negara.

*Dato' Idrus Harun, holder of a LLB (Hons) degree from the University Malaya, began his career as a Legal Officer in 1980. Between 1980 and 1997, he served in various significant positions which include Assistant Parliamentary Draftsman, Senior Assistant Registrar of the Kuala Lumpur High Court, Sessions Court President in Kota Kinabalu, Deputy Public Prosecutor, Legal Advisor of the Royal Customs and Excise Department, Terengganu State Legal Advisor, Senior Federal Counsel of the Election Commission as well as Deputy Public Prosecutor with the Anti Corruption Agency.*

*He was later appointed as Deputy Head of the Advisory and International Division at the Attorney-General's Chambers in 1997. Between October 1998 and February 2002, Dato' Idrus was the Registrar of Companies during which period he was also a Board Member of the Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA), Malaysia Financial Reporting Foundation, Foreign Investment Committee and the High Level Finance Committee on Corporate Governance.*

*Currently, Dato' Idrus is Head of Advisory Division at the Attorney-General's Chambers.*



**Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari**

Dato' Hj. Khairuddin telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Penerangan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Pertanian, Kementerian Dalam Negeri dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC).

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya. Pada tahun 1998 beliau ditempatkan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pada masa ini, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) di Kementerian tersebut.

*Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari has served in the Public Services Department (PSD), Ministry of Information, Commercial Vehicles Licensing Board, the Ministry of Public Enterprise, Ministry of Agriculture, the Home Ministry as well as the Tourism Development Corporation (TDC).*

*A graduate with a Bachelor degree in Economics (Hons) from the University of Malaya, he was later posted to the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs in 1998. Currently, he is serving as the Deputy Secretary General (Policies) in the Ministry.*



**Aziyah Bahauddin**

Puan Aziyah Bahauddin ialah Wakil Kementerian Kewangan. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya. Puan Aziyah kini merupakan Timbalan Setiausaha, Bahagian Analisis Cukai di Kementerian Kewangan dan bertanggungjawab dalam merumus polisi cukai langsung dan tak langsung termasuk insentif cukai; di samping membuat ramalan pendapatan Kerajaan Persekutuan terutama untuk belanjawan tahunan Kerajaan Persekutuan.

Beliau juga adalah wakil Kementerian Kewangan di Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON).

*Puan Aziyah Bahauddin is the representative of the Ministry of Finance. She is a holder of a Bachelor in Economics (Hons) from the University of Malaya. At present, she holds the position of Deputy Under Secretary of the Tax Analysis Division at the Ministry of Finance and is responsible for formulating direct and indirect tax policies including tax incentives as well as forecasting the Federal Government revenue especially for the annual Federal Government budget.*

*She is also the representative of the Ministry of Finance in the Malacca State Development Corporation and Edaran Otomobil Nasional (EON) Berhad.*



**Datuk Dr Abdul Samad Hj. Alias**

Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias ialah felo Institute of Chartered Accountants in Australia, Presiden Institut Akauntan Malaysia, Ahli Majlis Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan ahli bersekutu Chartered Institute of Bankers, United Kingdom.

Berkelulusan dari University of Western Australia dengan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, beliau kini merupakan Penasihat Firma Ernst & Young Malaysia dan ahli Yayasan Laporan Kewangan.

Datuk Dr. Abdul Samad kini adalah juga Anggota Lembaga Pengarah IGB Corporation Berhad, Lembaga Tabung Haji serta Pengerusi Malaysian Venture Capital Management Berhad dan Malaysia Debt Ventures Berhad.

*Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias is a fellow of the Institute of Chartered Accountants in Australia, President of the Malaysian Institute of Accountants (MIA), a Council Member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) and an associate member of the Chartered Institute of Bankers, United Kingdom.*

*A graduate of the University of Western Australia with a Bachelor degree in Commerce, he is currently an Advisor with Ernst & Young Malaysia and a member of the Financial Reporting Foundation.*

*At present, Datuk Dr. Abdul Samad also sits on the Board of IGB Corporation Berhad and Lembaga Tabung Haji, and is the Chairman of Malaysian Venture Capital Management Berhad and Malaysia Debt Ventures Berhad.*



**Cheong Kee Fong**

En. Cheong Kee Fong merupakan pemegang Ijazah (Kepujian) LLB dari National University of Singapore dan LLM dari Harvard Law School.

Seorang pengamal undang-undang dan rakan kongsi sebuah firma guaman, Tetuan Cheong Kee Fong & Co., beliau juga merupakan peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Agung Republik Singapura. Di samping itu, beliau telah berkhidmat sebagai anggota Yayasan Laporan Kewangan dan ahli Jawatankuasa Kerja Mengenai Tadbir Urus Korporat yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi bagi Tadbir Urus Korporat.

Pada masa kini, En. Cheong merupakan anggota Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat dan juga anggota Jawatankuasa Audit Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

*Mr. Cheong Kee Fong is the holder of a LLB (Hons) degree from the National University of Singapore and a LLM from Harvard Law School.*

*A legal practitioner and partner of legal firm, Messrs. Cheong Kee Fong & Co, he is also an advocate and solicitor with the High Court of Malaya, and Supreme Court of the Republic of Singapore. In addition, he has served as a member of the Financial Reporting Foundation and the working group on law reform issues on corporate governance established by the High Level Finance Committee on Corporate Governance.*

*Currently, Mr. Cheong is a member of the Corporate Law Reform Committee established by the Companies Commission of Malaysia and also a member of the Audit Committee of the Companies Commission of Malaysia.*



**Zaiton Mohd Hassan**

Sejak 1996, Puan Zaiton Mohd Hassan merupakan Presiden/Pengarah Eksekutif Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC). Sebelum menyertai MARC, beliau berkhidmat di Maybank selama dua belas (12) tahun dalam pelbagai jawatan kanan, dan yang terakhir ialah sebagai Pengurus Besar Perancangan Korporat. Sebelum itu, beliau berkhidmat di Price Waterhouse, Bank Pembangunan (M) Berhad dan PFM Capital Holdings berhad (subsidiari sepenuhnya milik Permodalan Nasional Berhad).

Puan Zaiton ialah felo Chartered Association of Certified Accountants, United Kingdom (FCCA). Beliau juga merupakan ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) sejak 1983.

Kini beliau juga adalah Pengarah di Mesiniaga Berhad dan PFM Capital Holdings Berhad. Puan Zaiton juga merupakan ahli KLSE Membership Sub-Committee, dan Jawatankuasa Pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, ASN 3 Imbang dan Amanah Saham Gemilang yang terdiri daripada Amanah Saham Pendidikan, Amanah Saham Kesihatan dan Amanah Saham Persaraan.

*Since 1996, Puan Zaiton Mohd Hassan has been the President/Executive Director of Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC). Prior to joining the MARC, she served in Maybank for twelve (12) years in various senior positions, the last being General Manager of Corporate Planning. Before that, her career path spanned established organisations like Price Waterhouse, Bank Pembangunan (M) Berhad and PFM Capital Holdings Berhad (a wholly-owned subsidiary of Permodalan Nasional Berhad).*

*Puan Zaiton is a Fellow of the Chartered Association of Certified Accountants, United Kingdom (FCCA). She has also been a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) since 1983.*

*A Director in Mesiniaga Berhad and PFM Capital Holdings Berhad, Puan Zaiton currently also serves as a member of the KLSE Membership Sub-Committee, and the Investment Committee of Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, ASN 3 Imbang and Amanah Saham Gemilang comprising Amanah Saham Pendidikan, Amanah Saham Kesihatan and Amanah Saham Persaraan.*


Muhammad Redzuan Abdullah


Zahrah Abd Wahab Fenner


Abdul Alim Abdullah


Khoo Beng Chit


Mohamad Zanyuin Ismail


Khuzairi Yahaya


Nor Azimah Abdul Aziz


Hjh Rokiah Mohd Noor


Roslina Abdul Malek


Saidatul Ishan Abd Rahman

# PENGURUSAN

# *MANAGEMENT*



# Pengurusan ***Management***

**Pengurusan Eksekutif**
***Executive Management***

Abdul Alim Abdullah
*Ketua Pegawai Eksekutif*
*Chief Executive Officer*

Zahrah Abd Wahab Fenner
*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif*
*Deputy Chief Executive Officer*
*Pengarah (Operasi dan Pematuhan)*
*Director (Operations and Compliance)*

Khoo Beng Chit
*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif*
*Deputy Chief Executive Officer*
*Pengarah (Perkhidmatan Syarikat dan Perniagaan)*
*Director (Company and Business Services)*

**Ketua Jabatan**
***Department Heads***

**Jabatan Pendaftaran**
***Registration Department***

Hjh Rokiah Mohd Noor
*(bermula pada 11 Nov. 2003 /*
*starting from 11 Nov. 2003)*
*Tanggung Kerja Pengurus Besar*
*Covering for General Manager*

Abdul Rahim Ali
*(bersara 12 Nov. 2003 / retired 12 Nov. 2003)*

**Jabatan Perkhidmatan Pelanggan**
***Customer Service Department***

Mohamad Zanyuin Ismail
*Pengurus Besar / General Manager*

**Jabatan Teknologi Maklumat**
***Information Technology Department***

Khuzairi Yahaya
*Pengurus Besar / General Manager*

**Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat**
***Corporate Planning and Development Department***

Nor Azimah Abdul Aziz
*Pengurus Besar / General Manager*

**Jabatan Perundangan**
***Legal Department***

Muhammad Redzuan Abdullah
*(dilantik 1 Mac. 2004 / appointed 1 March 2004)*
*Pengurus Besar / General Manager*

Azhar Abdul Hamid
*(sehingga 29 Februari 2004 / until 29 February 2004)*

**Jabatan Audit Dalam**
***Internal Audit Department***

Roslina Abdul Malek
*Pengurus Kanan / Senior Manager*

**Jabatan Sumber Korporat**
***Corporate Resources Department***

Saidatul Ishan Abd Rahman
*(sehingga 29 Februari 2004 / until 29 February 2004)*
*Tanggung Kerja Pengurus Besar*
*Covering for General Manager*

**Jabatan Pematuhan**
***Compliance Department***

*Pengurus Besar (Kosong) / General Manager (Vacant)*

# Jawatankuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia

# *Committees of the Companies Commission of Malaysia*

Selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 19(1) Akta 614, Suruhanjaya Syarikat mempunyai kuasa di bawah Akta ini untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu, atau suai manfaat untuk membantu dalam melaksanakan fungsi-fungsi Suruhanjaya Syarikat. Jawatankuasa yang ditubuhkan setakat ini adalah seperti yang berikut:

*Pursuant to Subsection 19(1) of Act 614, the Companies Commission is empowered to establish committees as it considers necessary or expedient to assist in the performance of its functions. The committees that have been established to date are as follows:*

**Jawatankuasa Perjawatan I**
***Recruitment Committee I***

1. Abdul Alim Abdullah *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari
3. Zahrah Abd. Wahab Fenner

**Jawatankuasa Perjawatan II**
***Recruitment Committee II***

1. Abdul Alim Abdullah *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Zahrah Abd. Wahab Fenner
3. Khoo Beng Chit

**Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat**
***Promotion Appeal Committee***

1. *Akan diisi / To be filled*

**Jawatankuasa Tatatertib**
***Disciplinary Committee***

Ahli-ahli adalah menurut Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
*The members of this committee shall be in accordance to the Statutory Bodies (Disciplinary and Surcharge) Act 2000 (Act 605)*

**Jawatankuasa Pelaburan**
***Investment Committee***

1. Zaiton Mohd Hassan *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Datuk Dr. Sulaiman Mahbob
3. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias
4. Abdul Alim Abdullah

**Jawatankuasa Audit**
***Audit Committee***

1. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Cheong Kee Fong
3. Dato'Idrus Harun

**Jawatankuasa Perolehan – Jawatankuasa Perolehan A**
***Procurement Committee – Procurement Committee A***

1. Datuk Dr. Sulaiman Mahbob *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Abdul Alim Abdullah
3. Dua(2) Anggota Suruhanjaya
   *Two (2) Members of the Commission*
4. Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan
   *Representative of the Secretary General of the Treasury*
5. Dua (2) kakitangan Suruhanjaya Syarikat yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif
   *Two (2) employees of the Companies Commission appointed by the Chief Executive Officer*

**Jawatankuasa Perolehan – Jawatankuasa Perolehan B**
***Procurement Committee – Procurement Committee B***

1. Abdul Alim Abdullah *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Zahrah Abd. Wahab Fenner
3. Khoo Beng Chit
4. Mohamed Zanyuin Ismail
5. Saidatul Ishan Abdul Rahman
6. Toh Kay Hong

**Jawatankuasa Pemandu Projek bagi Halatuju Strategik**
***Project Steering Committee for Strategic Direction***

1. Datuk Dr. Sulaiman Mahbob *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias
3. Zaiton Mohd hassan
4. Abdul Alim Abdullah
5. Zahrah Abd. Wahab Fenner
6. Khoo Beng Chit

**Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat**
***Corporate Law Reform Committee***

1. Dato' K. C. Vohrah *(Pengerusi / Chairperson)*
2. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias
   *(Ahli Suruhanjaya / Member of Commission)*
3. Cheong Kee Fong
   *(Ahli Suruhanjaya / Member of Commission)*
4. Abdul Alim Abdullah
   *(Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer)*
5. Hue Siew Kheng
   *(Pejabat Peguam Negara / Attorney General's Chambers)*
6. Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood
   *(Suruhanjaya Sekuriti / Securities Commission)*
7. Selvarany Rasiah *(Bursa Malaysia / Bursa Malaysia)*
8. Philip Koh Tong Ngee
   *(Peguambela & Peguamcara / Advocate & Solicitor)*
9. Charon Wardini Mokhzani
   *(Peguambela & Peguamcara / Advocate & Solicitor)*
10. Peter Lee Siew Choong
    *(Peguambela & Peguamcara / Advocate & Solicitor)*
11. Eric Kang Shew Meng
    *(Setiausaha Syarikat / Company Secretary)*
12. Jeswant Singh
    *(Jab. Perdana Menteri / Prime Minister's Dept.)*
13. Rohatul Akmar Abdullah
    *(Jab. Perdana Menteri / Prime Minister's Dept.)*
14. Dato' Loh Siew Cheang
    *(Peguambela & Peguamcara / Advocate & Solicitor)*
15. Lim Tian Huat *(Akauntan Bertauliah / Chartered Accountant)*
16. Prof. Khaw Lake Tee *(Universiti Malaya)*
17. Assoc. Prof. Madya Aishah Bidin
    *(Universiti Kebangsaan Malaysia)*

# Pejabat-pejabat Negeri
## *State Offices*

Dengan Infrastruktur yang kukuh, Suruhanjaya Syarikat mempunyai rangkaian cawangan untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan di seluruh Malaysia.

*The Companies Commission has an established infrastructure that includes a wide branch network to serve customers throughout Malaysia.*



**Kelantan**
Level 2, 3 & 4, Kota Sri Mutiara,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-7482860 / 7484599
Fax : 09-7447622 / 7472607

**Kedah**
Level 10, Menara Sentosa,
Jalan Tunku Ibrahim,
05621 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-7330111
Fax : 04-7315517

**Terengganu**
Level 6 & 7, Menara Yayasan Islam,
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-6237170 / 6237127 / 6240721
Fax : 09-6230945 / 6237172

**Pulau Pinang**
Level 6 & 7, Bangunan KWSP,
No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Pulau Pinang.
Tel : 04-3977793
Fax : 04-3977713

**Pahang**
Lots 202-216, Level 2, Block B,
Kuantan Centre Point,
Jalan Haji Abdul Rahman,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-5164866 / 5164600
Fax : 09-5161869 / 5163316

**Perak**
Level 2C, Greentown Mall,
Jalan Hospital,
30450 Ipoh, Perak.
Tel : 05-2416900 / 2547913 / 2533071
Fax : 05-2557162

**Ibu Pejabat**
***Head Office***
Level 2 & 10-17, Putra Place,
100 Jalan Putra,
50622 Kuala Lumpur.
Tel : 03-40433366
Fax : 03-40492313
URL : www.ssm.com.my

**Johor**
Podium 4B & 5, Menara Ansar,
65 Jalan Trus,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-2233589 / 2244710 / 2244708
Fax : 07-2241714 / 2248169

**Melaka**
Suite 7.2, Level 6 & 7,
Bangunan Yayasan Melaka,
Off Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka.
Tel : 06-2840720 / 2821822
Fax : 06-2821634

**Sabah**
Level 4, Menara MAA,
6 Lorong Api-Api,
Locked Bag 2039,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-233551 / 233346
Fax : 088-237884

**Wilayah Persekutuan Labuan**
No. 6A1 & 6A2, Level 6, Block 4,
Kompleks Ujana Kewangan,
Jalan Merdeka,
87000 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087-414100
Fax : 087-414152

**Sarawak**
Level 2 & 3, Wisma STA,
26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,
93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-481499
Fax : 082-334622






# PIAGAM PELANGGAN

# CLIENT SERVICE CHARTER



## Piawai yang Tertinggi / *The Highest of Standards*

Suruhanjaya Syarikat bermatlamat untuk memberi keseimbangan yang optimum dalam memenuhi kehendak pelanggan dengan cekap dan ekonomik, disamping memenuhi dan mencapai tanggungjawabnya dalam pengawalseliaan melalui perkhidmatan berkualiti dan berintegriti. Pasukan kami mengorak langkah untuk mencapai piawai yang tertinggi dalam perkhidmatan pelanggan yang ditujukan kepada semua pelanggan yang berurusan dengan Suruhanjaya Syarikat, sama ada mereka yang mendaftar, menyerah dokumen atau mendapatkan maklumat dari kami.

Sebagai agensi awam yang berurusan dengan sejumlah besar data dan rekod, operasi dan prestasi kami diukur dengan teliti oleh pelanggan dan orang awam melalui 'Borang Penilaian Pelanggan' yang boleh didapati di semua kaunter. Ini bertujuan untuk membolehkan mereka memberi pendapat tentang prestasi kakitangan Suruhanjaya Syarikat, di samping memberitahu masalah dan aduan. Piagam Pelanggan kami berperanan sebagai ukuran rujuk kecekapan kami. Bagi memastikan peningkatan yang berterusan, Suruhanjaya Syarikat akan menyemak semula Piagam Pelanggan dari semasa ke semasa, terutamanya apabila projek migrasi teknologi maklumat disempurnakan.

*The Companies Commission aims to strike an optimum balance in the meeting of customer needs efficiently and economically, whilst fulfilling and meeting its responsibilities in the enforcement of the regulatory obligations through quality service and steadfast integrity. Our team strives to achieve the highest standards of customer service aimed at all individuals who transact with the Companies Commission, whether it be they who register, lodge documents or retrieve information from us.*

*As a public agency dealing with enormous amounts of data and records, our operation and performance are carefully evaluated by our customers and members of the public via the 'Customer Evaluation Form' available at all counters which denote their opinion on staff performance, problems and complaints. Our Client Service Charter serves as a guide against which our competence is measured. To ensure continuous improvement, the Companies Commission will review the Client Service Charter from time to time, particularly upon completion of the information technology (IT) migration project.*

## Piagam Pelanggan / *Client Service Charter*

Suruhanjaya Syarikat memproses, melulus dan mendaftar permohonan yang lengkap dengan cepat dan efisyen dalam tempoh seperti yang di bawah:

*The Companies Commission undertakes to process, approve and register a complete application in a speedy and efficient manner within the time period stated as follows:*

| **Aktiviti / *Activity*** | **Tempoh / *Time*** |
|---|---|
| Pendaftaran perniagaan / *Registration of business* | 3 hari / *days* |
| Perbaharui pendaftaran perniagaan / *Renewal of business registration* | 15 minit / *minutes* |
| Penamatan Perniagaan / *Termination of business* | 1 hari / *day* |
| Mengeluarkan surat kelulusan nama syarikat / *Issue letter for approval of company name* | 5 hari / *days* |
| Mengeluarkan sijil pemerbadanan syarikat baru / *Issue certificate for incorporation of a new company* | 5 hari / *days* |
| Mengeluarkan sijil penukaran status / *Issue certificate for conversion of status* | 5 hari / *days* |
| Mengeluarkan sijil menukar nama syarikat / *Issue certificate for change of company name* | 5 hari / *days* |
| Mengeluarkan sijil memulakan perniagaan / *Issue certificate for commencement of business* | 5 hari / *days* |
| Mengeluarkan sijil pendaftaran caj / *Issue certificate for registration of charges* | 5 hari / *days* |
| Mengeluarkan sijil kelulusan surat ikatan amanah / *Issue certificate for approval of trust deeds* | 14 hari / *days* |
| Mengeluarkan sijil kelulusan prospektus / *Issue certificate for approval of prospectuses* | 14 hari / *days* |

Kami menyediakan maklumat syarikat dan/atau perniagaan bagi setiap permohonan yang lengkap dengan cepat, tepat dan cekap dalam tempoh seperti yang berikut:

*We promise to provide company and/or business information for each complete application in a speedy, accurate and efficient manner within the time period stated as follows:*

| **Aktiviti / *Activity*** | **Tempoh / *Time*** |
|---|---|
| Membekal maklumat syarikat/perniagaan melalui cetakan komputer<br>*Supply company/business information via computer printout* | 1 jam / *hour* |
| Salinan dokumen syarikat yang tidak disahkan / *Uncertified copy of company documents* | 1 jam / *hour* |
| Salinan dokumen syarikat yang disahkan / *Certified copy of company documents* | 3 jam / *hours* |
| Perolehan imej (IDAMAN) / *Image retrieval (IDAMAN)* | 1 jam / *hour* |
| Membekalkan fail untuk pemeriksaan / *Supply file for inspection* | 15 minit / *minutes* |

Kami menyediakan kemudahan komputer untuk memudahkan pelanggan membuat carian nama syarikat dan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat.

Kami memastikan semua pemeriksaan, penyelidikan dan pendakwaan dilakukan dengan adil tanpa prejudis selaras dengan peruntukan undang-undang. Ini adalah untuk melindungi pelabur dan pemiutang bagi memastikan pembangunan yang sihat dalam sektor korporat dan perniagaan.

*We provide computers to facilitate search of company and business names registered with the Companies Commission.*

*We ensure that all inspections, investigations and prosecutions will be carried out with justice and without prejudice in accordance with provisions of the laws to protect investors and creditors and to ensure a healthy development of the corporate and business sectors.*





# KENYATAAN PENGERUSI

# *CHAIRMAN'S STATEMENT*

**Assalamualaikum wbkt. dan salam sejahtera.**

Y.B. Menteri telah menetapkan sasaran yang tinggi kepada Suruhanjaya Syarikat untuk memastikan fokus terhadap pencapaian perkhidmatan dan prestasi yang dapat memberi kepuasan kepada pelanggan. Suruhanjaya Syarikat ingin tampil sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi pengawalseliaan dan penyediaan perkhidmatan dan maklumat kepada sektor korporat dan perniagaan. Dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa semua sumber yang ada telah dimanfaatkan dengan sempurna pada tahun 2003 bagi membangunkan satu rangka kerja dengan hala tuju strategik yang jelas, untuk membolehkan Suruhanjaya Syarikat memberi perkhidmatan domestik yang moden dan cekap setanding dengan badan-badan pengawalseliaan luar negara.

*The Minister sets high public targets for the Companies Commission to ensure focus on service delivery and performance standards that meet customer needs. The Companies Commission is to serve as a centre of excellence for the regulation and provision of services and information to the corporate and business sectors. I am pleased to report that resources have been well utilised in 2003 to develop a framework with clear strategic direction, thus allowing the Companies Commission to be well equipped in the delivery of modern and efficient domestic services that are to be comparable to other foreign regulatory bodies.*

Suruhanjaya Syarikat telah memulakan pelaksanakan inisiatif strategik bagi memastikan pelanggan kami dapat menikmati tahap prestasi dan perkhidmatan yang meningkat pada masa terdekat ini. Sebahagian besar inisiatif strategik telah pun bermula pada suku kedua tahun 2003, dan selebihnya akan dilaksanakan pada tahun 2004. Pelaksanaan inisiatif ini secara keseluruhannya akan memastikan bahawa kami bersedia, bukan sahaja dari segi imej tetapi juga secara asasnya berupaya untuk memberikan perkhidmatan berkualiti serta berkesan kepada pelanggan kami tepat pada masanya.

Tumpuan utama kami ialah anjakan ke arah penggunaan aplikasi elektronik setelah kami maju setapak lagi dengan memberi perkhidmatan kepada sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan *(k-ekonomi)*. Suruhanjaya Syarikat akan memperkenalkan perkhidmatan elektronik sejajar dengan potensi besar teknologi web berasaskan internet yang membolehkan perkhidmatan yang pantas dan segera di mana maklumat daripada sekumpulan data utama dapat diperoleh secara berasingan melalui internet. Dari aspek dalaman, proses peralihan kepada perkhidmatan elektronik ini akan dapat mengurangkan pertindihan tugas, yang kini memerlukan kami memfailkan beberapa set kertas kerja untuk membolehkan prosesan data untuk tujuan rekod. Pelanggan tidak lagi perlu bimbang untuk berbaris panjang, atau pengehadan waktu untuk mendapatkan maklumat. Ini melengkapkan lagi strategi baru yang mana kedua-dua kehendak pelanggan dan keperluan pasaran dapat ditangani melalui kaedah yang cekap dan berkesan.

Tanggungjawab Suruhanjaya Syarikat ke arah kecemerlangan dalam perkhidmatan pelanggan akan dilaksanakan dengan sepenuhnya terhadap semua syarikat yang berdaftar dengan kami di seluruh negara. Untuk itu, Piagam Pelanggan akan berperanan sebagai ukuran rujuk yang jelas bagi prestasi kami. Matlamat dan objektif yang digariskan dalam Piagam Pelanggan sentiasa disemak semula dan dipertingkatkan apabila siap Projek Migrasi Teknologi Maklumat. Ini berlaku apabila semua sistem pemprosesan digabungkan dalam satu platform dan Suruhanjaya Syarikat dapat beroperasi dengan kaunter hentian setempat di samping memendekkan masa pemprosesan untuk pelbagai perkhidmatan. Penekanan juga

*The Companies Commission began implementation of a meticulous series of strategic initiatives to ensure that our customers can expect improved levels of performance and service in the very near future. Most of these strategic initiatives have been put into motion beginning the second quarter of 2003, with the rest to be implemented in 2004. Over time, the sum of these initiatives will come together as a whole to ensure that we are ready, not just in terms of image but also in essence, to deliver sustainable quality services to our customers in a timely yet effective manner.*

*Of particular interest is our shift towards the use of electronic applications as we move towards serving a knowledge-based economy. The Companies Commission will introduce electronic services, tapping into the immense potential of a web-based server system, which allows prompt or instantaneous services, where information from a main pool of data can be retrieved remotely via the internet practically in real time. Within the Companies Commission, this shift towards electronic services will eliminate duplication of work, which currently requires us to file several sets of paperwork in order to process data for custody of records. Externally, the customer will no longer have to worry about long queues, or limitation on access hours. This complements our new strategic outlook wherein both customer needs and market requirements will be attended to in an efficient and effective method.*

*The Companies Commission's obligation towards excellence in customer service will be strictly enforced throughout each and every one of our registries across the nation, thus the Client Service Charter will serve as a tangible benchmark of performance. The targets and objectives set out in the Client Service Charter will be reviewed and further improved upon completion of the information technology (IT) migration project when all processing systems have been merged to a single platform and the Companies Commission is able to commence operations of its one-stop counters as well as reduce the processing time for miscellaneous services. Emphasis will also continue to be placed on human resource development as we train our people to function efficiently within the new, more sustainable operating procedures that reflect the changes necessary to bring our operations up to date.*

akan diberikan pada pembangunan sumber manusia dengan menyediakan latihan kepada kakitangan agar mereka dapat bekerja dengan cekap dan mengikut garis panduan operasi terkini yang mencerminkan perubahan dalam Suruhanjaya Syarikat.

Usaha-usaha Suruhanjaya Syarikat pada tahun tersebut adalah selaras dengan hala tuju strategik kami dengan mengambil inisiatif bekerja ke arah mencapai pengiktirafan sebagai sebuah agensi kerajaan yang berwibawa, mampu menyelaras operasi dan mengeksploitasi bidang teknologi maklumat untuk mengatasi cabaran daripada perubahan dalam sektor korporat dan perniagaan kesan daripada era globalisasi serta penglibatan pedagang asing dalam persekitaran perniagaan tempatan.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Syarikat, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua tenaga kerja dan mereka yang berkepentingan di atas sokongan berterusan mereka yang telah menyumbang kepada kejayaan kami pada tahun ini.

Visi strategik sudahpun tersedia, dan kami menantikan kehadiran tahun baru yang lebih mencabar, di samping membangun dan memperbaiki mekanisme strategik seterusnya.

*The Companies Commission's efforts during the year have taken on a distinct strategic direction as we work towards the recognition of being a credible government agency, capable of streamlining operations and exploiting information and communications technology (ICT) to overcome challenges arising from changes in the corporate and business sectors as a result of globalisation and the entry of foreign players into the local business environment.*

*On behalf of the Members of the Companies Commission, I would like to thank all employees and stakeholders for their continued support that contributed to another successful year.*

*The strategic vision is in place. We look forward to another challenging year ahead, as we continue to further develop and fine-tune our strategic mechanism.*



**Datuk Dr. Sulaiman Mahbob**
Pengerusi / *Chairman*
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
*Companies Commission of Malaysia*
Mei 2004 / *May 2004*



# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

# *MESSAGE FROM THE CEO*

**Assalamualaikum wbkt. dan salam sejahtera.**

Dengan sukacitanya saya menyampaikan perutusan untuk Laporan Tahunan 2003. Tahun lalu merupakan tahun yang cukup menarik tetapi agak mencabar bagi kami warga kerja di Suruhanjaya Syarikat. Wabak SARS yang telah merebak di seluruh rantau ini, peperangan dan rusuhan di seluruh dunia, terutamanya peperangan di Iraq, merupakan satu ujian dan cabaran yang besar dalam persekitaran antarabangsa yang mempengaruhi ekonomi dunia dan seterusnya dunia korporat dengan pelbagai cara. Manakala di negara kita, pelantikan Perdana Menteri yang baru merupakan peristiwa yang penting dan bersejarah. Memandangkan syarikat dan perniagaan terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan tersebut, Suruhanjaya Syarikat terus melangkah kehadapan untuk menyediakan perkhidmatan dan sokongan yang sesuai dalam tempoh perubahan ini.

*I am pleased to present this message for the 2003 Annual Report. The past year has been an exciting yet challenging year for the team at the Companies Commission. The SARS epidemic that reached across the region, as well as wars and unrest around the globe, more notably the Iraq war, presented an extremely testing and challenging world environment that has profoundly affected the international economy, and by direct extension, the corporate world in many ways. On the national front, a new Prime Minister was appointed, making the year 2003 as indeed one of great historical significance. As companies and businesses have had to adapt to the changing economic circumstances brought about by these events, the Companies Commission has continuously strived to provide the necessary support and services in this time of change.*

Suruhanjaya Syarikat juga telah melalui perubahan-perubahan yang ketara pada tahun lalu. Pada permulaan suku kedua, sebuah firma perunding telah dilantik untuk membantu merangka hala tuju strategik Suruhanjaya Syarikat dengan penyemakan peringkat tinggi struktur operasi dan organasasi Suruhanjaya Syarikat. Kemuncaknya ialah Bengkel Hala Tuju Strategik yang diadakan pada 14-15 Jun 2003 untuk merangka hala tuju jangka panjang Suruhanjaya Syarikat. Pada suku ketiga, Ahli Suruhanjaya telah meluluskan Laporan Akhir Hala Tuju Strategik yang menggariskan pelan strategik yang baru (Visi, Misi, dan Objektif) yang akan diterima pakai oleh Suruhanjaya Syarikat. Sebagaimana pelan strategik yang lain, nilai sebenar diukur berdasarkan kejayaan pelaksanaannya. Dengan matlamat ini, inisiatif khusus telah dilaksanakan pada dua suku tahun yang lalu untuk memperkemas struktur korporat secara keseluruhannya di samping menyelaras operasi bagi memperlengkapkan penggabungan Pendaftar Syarikat *(ROC)* dan Pendaftar Perniagaan *(ROB)*. Secara ringkasnya, tumpuan utama tahun 2003 ialah penyediaan asas yang kukuh bagi membantu pembangunan persekitaran perniagaan dan kawalselia yang kondusif dan dinamik bagi beberapa tahun yang akan datang.

Semua pejabat negeri telah diubahsuai pada tahun tersebut untuk mencerminkan identiti korporat Suruhanjaya Syarikat yang baru, menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pekerja bagi mencapai tahap yang optimum serta mewujudkan satu pusat penyimpanan dan pemberian maklumat korporat dan perniagaan yang selesa kepada pelanggan. Projek migrasi teknologi maklumat secara besar-besaran sedang dijalankan untuk menggabung dan membawa sistem maklumat sekarang kepada hanya satu platform; dan apabila siap, akan menambahkan lagi kecekapan Suruhanjaya Syarikat. Pada masa yang sama, penambahbaikan kepada sistem kerangka utama yang ada sekarang serta aplikasi sokongannya telah dijalankan untuk menentukan proses transisi yang licin serta mengelakkan gangguan kepada operasi harian sebelum projek migrasi ini disempurnakan.

*Similarly, the Companies Commission itself has also gone through notable changes in the past year. At the start of the second quarter, an external consultant was engaged to assist in establishing the Companies Commission's strategic direction by conducting a high-level review on the Companies Commission's operations and organisational structure. This culminated in a Strategic Visioning Workshop that was conducted on 14-15 June 2003 to articulate the long-term direction of the Companies Commission. In the third quarter, the Members of the Commission approved the Strategic Direction Final Report, which outlined the new strategic direction (i.e. its Vision, Mission and Objectives) that the Companies Commission was to adopt. As in any strategic plan, the real value lies in the successful execution of those strategies. With this aim, specific initiatives were implemented in the last two quarters of the year to streamline the overall corporate structure as well as to rationalise the merged operations of the Registrar of Companies (ROC) and the Registrar of Businesses (ROB). In summary, the core focus of 2003 has been to lay a strong foundation to facilitate development of a conducive and dynamic business and regulatory environment over the next few years.*

*All the state offices were renovated during the year to reflect the Companies Commission's new corporate identity, provide a conducive working environment for our employees to perform at their optimum levels as well as to serve as a comfortable information centre for our customers to procure corporate and business information. A massive information technology (IT) migration project is currently in progress to merge and bring our current information systems onto a new single superior platform; and, upon completion, this would bring the Companies Commission to greater heights of efficiency. At the same time, necessary upgrades to the current mainframe system and its supporting applications have been carried out to carefully ensure a smooth transition process and to avoid disruptions to our daily operations prior to the completion of this migration project.*

Suruhanjaya Syarikat secara berterusan melaksanakan matlamat strategik ini untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan bertepatan dengan kehendak pelanggan kami yang terdiri daripada komuniti korporat dan perniagaan. Kami bermatlamat untuk menjadi sebuah Suruhanjaya Syarikat yang menepati kehendak orang ramai. Sejajar dengan usaha kerajaan yang sentiasa melakukan perubahan bagi menyediakan persekitaran yang fleksibel untuk memaksimumkan perdagangan, Suruhanjaya Syarikat juga akan turut berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang bernilai-tambah. Pelaburan yang tinggi telah dibelanjakan terhadap projek migrasi teknologi maklumat yang mana apabila disempurnakan, akan membolehkan Suruhanjaya Syarikat mengoperasikan 'kaunter setempat' di mana semua perkhidmatan kami boleh dikendalikan di mana-mana kaunter pendaftaran kami di seluruh negara. Skop projek migrasi juga meliputi langkah strategik ke arah menyediakan perkhidmatan secara elektronik, selaras dengan sasaran kerajaan bagi pertukaran data secara elektronik dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Cadangan maklumat secara elektronik ini bertujuan untuk memberikan faedah yang nyata dan boleh diukur kepada pelanggan kami melalui perkhidmatan yang cekap selama 24 jam yang boleh didapati melalui persekitaran yang selamat di internet.

Peranan Suruhanjaya Syarikat bukan hanya sebagai pendaftar atau pengawalselia sahaja. Kami bertekad untuk menjadi sebuah badan pengawasan syarikat dan perniagaan yang dihormati. Oleh yang demikian, kami perlu responsif terhadap perubahan dalam persekitaran luaran yang mempengaruhi organisasi korporat dan perniagaan. Pada bulan Disember 2003, Suruhanjaya Syarikat telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat *(CLRC)* untuk membuat semakan semula terhadap teras perundangan syarikat yang mentadbir perbadanan, kewujudan dan penamatan syarikat dengan tujuan untuk mengesyorkan perubahan atau pindaan terhadap Akta Syarikat 1965. *CLRC* akan membuat cadangan untuk mempermodenkan undang-undang syarikat agar dapat memenuhi keperluan semasa dan akan datang bagi perniagaan di Malaysia.

*The Companies Commission continues to drive strategic aims to provide quality services that match the high expectations of our customers from the corporate and business communities. We aim to serve as a Companies Commission for the people. As the government continues to make changes to provide a flexible environment to maximise trade, the Companies Commission will match its efforts to provide value-added services. A substantial investment has been expended on the IT migration project which, upon completion, will allow the Companies Commission to put into operation the planned one-stop counters where all services can be conveniently conducted at any one of the counters at all registries across the nation. The scope of the migration project also includes a strategic move towards the provision of electronic services, in line with government targets for electronic data exchange in a knowledge-based economy. The envisaged electronic services (to register or obtain information) are aimed at providing a definite and measurable benefit to our customers by way of efficient and even round-the-clock services that may be obtained via a secured environment on the internet.*

*The role of the Companies Commission is beyond that of a simple registrar and regulator. We aim to be a respected supervisory body of companies and businesses. Hence, we need to be responsive to the ever-changing external environment that impacts commercial and business organisations. In December 2003, the Companies Commission established its Corporate Law Reform Committee (CLRC) to undertake a fundamental review of core company law governing the creation, existence and termination of companies, with a view of recommending legal reforms or amendments to the Companies Act 1965. The CLRC will make recommendations to modernise company law so as to accommodate changes to meet the current and future needs of Malaysian businesses.*

Kami telah memulakan program untuk membangunkan sistem dalaman kami, proses dan sumber manusia pada tahun fiskal yang lalu. Ia adalah tahun yang penuh dengan usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan di samping menyesuaikan keupayaan kami untuk mencapai kenyataan misi kami. Pasukan kakitangan kami telah menetapkan usaha ke arah merealisasikan visi Suruhanjaya Syarikat secara keseluruhan, dan bukan secara berasingan. Kebanyakan perubahan dalam sistem telahpun dimulakan, manakala aktiviti harian kami berjalan seperti biasa. Dalam tempoh transisi yang mencabar ini, kakitangan kami dapat menerima dengan penuh ketahanan dan telah berusaha menyesuaikan diri untuk memenuhi kehendak dan cabaran baru yang dipikul oleh Suruhanjaya Syarikat, antaranya dengan mengambil inisiatif untuk menghadiri pelbagai program komunikasi dan latihan bagi membantu mereka menerima peranan dan tanggungjawab yang baru. Walaupun terpaksa mengharungi pelbagai perubahan serta kekurangan tenaga manusia, kakitangan kami telah bekerja keras dan saya sangat berbesar hati untuk melaporkan pendapatan yang berjaya diperoleh berjumlah lebih RM228 juta pada tahun 2003 berbanding lebih RM155 juta pada tahun sebelumnya.

*We have initiated developing programs to our internal system, processes and human resources in the past fiscal year. It has been a busy year of continuous enhancements as we adjust our capacity to achieve our mission statements. The team has set its sights on the realisation of the Companies Commission's vision as a whole instead of as individual departments or state registries. Much of the change to our work system and methods were set in motion whilst the rigours of daily activities were carrying on as usual. During this trying transition period, our staff coped with much resilience and rose to the occasion, with many making great efforts to adapt to the new challenges which the Companies Commission is now entrusted with as a governing body, in addition to attending the numerous communication and training programmes to help them adopt their new roles and responsibilities. Even amidst a backdrop of much change and lack of manpower, the team has worked hard and I am pleased to report a substantial sum of revenue totalling over RM 228 million for the year 2003 in comparison to over RM 155 million in the previous year.*

**Pada tahun 2003, kami telah menetapkan asas yang kukuh untuk memperkemas prosedur dan menyediakan capaian yang lebih baik ke atas maklumat dan memantapkan pegawai kami agar menjadi sebuah organisasi yang mempunyai kakitangan yang mahir, moden dan sebuah agensi kerajaan contoh yang peka terhadap keperluan entiti komersial yang berubah-ubah dan beroperasi dalam ekonomi dunia baru.**

*In 2003, we have set a strong foundation to streamline procedures and create greater accessibility to information and our key personnel to steer towards the role of a proficient, modern and exemplary government agency responsive to the ever-changing needs of commercial entities that operate in the new global economy.*



Suruhanjaya Syarikat akan sentiasa mengambil langkah untuk memenuhi jangkaan yang tinggi daripada pelanggan. Dengan adanya langkah ke arah penyediaan perkhidmatan elektronik, kami akan dapat meningkatkan keupayaan untuk menyediakan maklumat dan perkhidmatan yang cepat, tepat dan bernilai-tambah. Kami akan terus meneroka cara untuk menggalakkan persekitaran kawalselia yang mesra-pengguna dan meningkatkan kadar pematuhan, menanam amalan tadbir urus korporat yang baik bagi melindungi kepentingan pelabur dan konsumer menerusi Projek Semakan Semula Undang-Undang Korporat untuk memperbaiki sistem pengawasan dan penguatkuasaan kami.

*The Companies Commission will always strive to meet the highest of customer expectations. With the move towards the provision of electronic services, we will be able to improve our ability to provide timely, accurate and value-added information and services. We will explore avenues to promote a user-friendly regulatory environment to improve compliance rates, instil good corporate governance and protect investor and consumer interests through our Corporate Law Reform Project to improve our system of surveillance and enforcement.*

**Jangkaan pelanggan semakin meningkat, dan cabaran bagi kami ialah untuk mencapai dan melebihi jangkaan tersebut yang merentasi kesemua bidang operasi kami.**

*Customer expectations are increasing and our challenge will be to match and exceed those expectations across all areas of our operations.*

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh pasukan kakitangan kami di atas kerja keras, dedikasi dan usaha-usaha mereka. Tahniah di atas kejayaan yang dicapai pada tahun lepas, bersama-samalah kita hadapi tahun baru dengan lebih produktif.

*On behalf of the Members of the Companies Commission, I would like to extend a sincere and heartfelt gratitude to our entire team for all their hard work, dedication and efforts in the past year. Congratulations on a successful year; together, we look forward to another productive year.*

**Abdul Alim Abdullah**
Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
*Companies Commission of Malaysia*
Mei 2004 / *May 2004*



# TAHUN 2003

# THE YEAR 2003



# Rancangan Strategik Yang Utama

# *Significant Strategic Programmes*

Suruhanjaya Syarikat perlu menentukan hala tuju jangka panjang yang strategik untuk muncul sebagai agensi pentadbir yang berwibawa, praktikal dan cekap di alaf baru ini. Pada separuh masa pertama tahun 2003, satu firma perunding luar telah dilantik oleh Anggota Suruhanjaya untuk menghasilkan hala tuju jangka panjang Suruhanjaya Syarikat, melalui analisis secara menyeluruh ke atas operasi dan proses yang sedia ada. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti strategi utama, bagi memanfaatkan kekuatan di samping mengatasi halangan dan cabaran, bagi mewujudkan hala tuju strategik baru yang kukuh, disokong oleh sistem yang cekap dan berupaya untuk menampung transaksi yang dibuat dalam jumlah yang besar. Dorongan untuk mewujudkan perubahan ini adalah keperluan untuk mengurangkan kerenah birokrasi (red tape) dan pada keseluruhannya meningkatkan produktiviti Suruhanjaya Syarikat.

Inisiatif strategik utama dihasilkan dengan berhati-hati melalui penyelidikan secara menyeluruh, mengambil kira perubahan semasa dalam dunia perdagangan yang sebenar dan perubahaan dijangka akan berlaku pada masa hadapan.

*It was essential for the Companies Commission to determine its strategic and long-term future direction in order to remain as a competent, practical and efficient governing agency of the new millennium. In the first half of 2003, an external consultant firm was appointed by the Members of the Commission to articulate the long term direction of the Companies Commission, by conducting a thorough analysis on its existing operations processes. The purpose of this exercise was to identify key strategies to capitalise on our strengths, as well as address our barriers and challenges, in order to create a new and robust strategic direction backed by efficient systems and the capacity to support high volumes of transactions. The motivation for change was backed by a need to cut 'red tape' and boost productivity throughout the Companies Commission.*

*Key strategic initiatives were carefully articulated through thorough research and taking into account current actual and future expected changes in the real world of commerce.*

**Sejajar dengan globalisasi dan liberalisasi perdagangan dunia, penekanan diberikan kepada aspek-aspek pembangunan seperti perundangan, teknologi, penyelidikan, pembangunan sumber manusia di samping mewujudkan jaringan kerja sama dengan badan-badan yang serupa, baik tempatan mahupun di luar negara.**

*To keep up with globalisation and the liberalisation of world trade, emphasis was put on developmental aspects such as legal, technology, research, human resource development as well as the creation of a collaborative network with similar bodies, both locally and abroad.*

### Projek Semakan Semula Undang-Undang

Suruhanjaya Syarikat yang diberi kuasa untuk mengawalselia dan melaksanakan Akta Syarikat 1965 telah mengambil inisiatif untuk menyemak semula peruntukan undang-undang korporat yang sedia ada di Malaysia di bawah Projek Semakan Semula Undang-Undang Korporat. Satu Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat telah ditubuhkan pada Disember 2003 untuk menyemak semula polisi perundangan semasa dan membuat cadangan pindaan yang sesuai bagi membolehkan aktiviti korporat dan perniagaan di Malaysia

### *Law Reform Project*

*The Companies Commission being vested with the function to regulate and enforce the Companies Act 1965, has undertaken an initiative to review the overall existing corporate law provisions for Malaysia under its Corporate Law Reform Project. A Corporate Law Reform Committee was established in December 2003 to review the current legislative policies on corporate law in order to propose amendments necessary to enable corporate and business activities in Malaysia to function in a cost effective, consistent, transparent and competitive business environment*

berfungsi dengan persekitaran perniagaan yang berkesan, konsisten, telus dan berdaya saing sejajar dengan piawai tadbir urus korporat yang baik di peringkat antarabangsa.

*in line with international standards of good corporate governance.*

**Penyelidikan dan jaringan yang dijalankan adalah seiring dengan polisi tempatan dan luar negara untuk memastikan pembangunan yang teratur dan pertumbuhan sektor korporat dan perniagaan yang dinamik bagi Malaysia.**

*Research and networking to stay abreast on policies here and abroad to ensure orderly development and dynamic growth of the Malaysian corporate and business sectors.*

### Projek Migrasi Teknologi Maklumat

Projek yang berterusan ini bertujuan untuk mengeksploitasi teknologi bagi mewujudkan operasi dan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Melalui piawai terbuka, prasarana pembangunan dan Internet, ia juga merupakan satu langkah ke arah pengenalan akses secara 'online' oleh orang awam melalui rangkaian perkhidmatan secara elektronik.

Sistem baru ini apabila dilaksanakan sepenuhnya, akan lebih baik berbanding sistem yang sedia ada. Ia akan menyediakan kaedah yang cekap dalam penyimpanan dan pemerolehan data dalam masa yang singkat dan menepati kehendak pelanggan dalam mendapatkan maklumat korporat dan perniagaan.

Kami telah memulakan projek untuk melaksanakan prasarana IT yang baru yang akan meningkatkan kecekapan komunikasi dan mengurangkan pertindihan dalam proses kerja, selaras dengan ukuran keselamatan yang lebih kukuh. Prasarana yang dipertingkatkan ini akan dilaksanakan bagi membantu pengurusan pengetahuan yang berkesan. Prasarana ini perlu memandangkan sistem maklumat yang baru dapat menukar perkhidmatan di kaunter kepada sistem server berasarkan web yang terbuka.

Pembangunan sistem maklumat yang baru dan pemindahan pangkalan data daripada sistem kerangka utama kepada sistem server berasarkan web yang terbuka memerlukan tempoh masa yang agak lama. Bagaimanapun, usaha-usaha telah diambil bagi memastikan sistem kerangka utama yang ada sekarang ini dengan aplikasi sokongan dapat memenuhi keperluan semasa agar operasi harian Suruhanjaya Syarikat tidak terganggu.

### *Information Technology (IT) Migration Project*

*This ongoing ambitious project seeks to exploit technology to create an efficient and effective operation. By leveraging on open standards, architecture and internet infrastructure, it is also a step towards the introduction of online access by the general public to a range of electronic services.*

*The new system, when fully implemented, will be superior to the current one. It will provide an efficient method of storing as well as retrieving data in order to provide a shorter turnaround period to meet public demand for corporate and business information.*

*We have initiated the project to implement the new IT infrastructure which will boost communication speed and reduce redundancies in our work processes, within a strengthened perimeter of security. The improved infrastructure is to be in place in order to facilitate efficient knowledge management. It is necessary since the new information system will extend and transform current over-the-counter services to a web-based server system.*

*The development of the new information system and migration of the database from the mainframe system to the web-based server system require an extended period of time. Nevertheless, efforts have been taken to ensure that the current mainframe system and its supporting applications continue to serve the existing needs for uninterrupted daily operation at the Companies Commission.*

### Pembangunan Pelan Tindakan Suruhanjaya Syarikat

Pelan tindakan yang jelas dan khusus yang menyenaraikan objektif yang spesifik dan realistik sedang dibentuk untuk setiap jabatan. Projek yang telah dimulakan pada November 2003 ini akan membolehkan setiap jabatan atau bahagian ditadbir ke arah pencapaian pernyataan Visi dan Misi Suruhanjaya Syarikat. Pelan tindakan ini akan dinilai dari semasa ke semasa untuk melihat perbezaan antara prestasi yang dirancang dengan prestasi yang sebenar agar kelemahan dapat diperbaiki segera.

### *Development of the Companies Commission's Action Plans*

*Clear and defined action plans that list specific, actionable and realistic objectives are being crafted for every department. This project which commenced in November 2003 will allow each department or division to stay on track towards the achievement of our Vision and Mission statements. These 'live' action plans are going to be evaluated on a regular basis in order for variances between the plan and actual performance to be rectified promptly.*

**Terjemahan visi yang abstrak kepada pelan tindakan yang jelas meletakkan kakitangan kami di landasan yang betul dan realistik ke arah pencapaian sasaran.**

*The translation of abstract visions into clear action plans effectively places our staff on a tangible and realistic platform for target achievement.*

### Program Perubahan Pengurusan

Anggota Suruhanjaya yang berpandangan jauh telah mengenal pasti keperluan untuk memupuk perubahan minda yang baru di kalangan pasukan kakitangan kami agar mereka dapat menerima segala perubahan yang berlaku. Perhatian khusus diberi kepada aspek pengukuran prestasi kakitangan melalui petunjuk pencapaian utama yang akan dibina di dalam pelan tindakan ini. Pelbagai usaha dimulakan sejak November 2003, ia itu dengan mengadakan sesi komunikasi, untuk mewujudkan kesetiaan dan komitmen terhadap visi strategik yang merupakan aspirasi kami di samping membina semangat kerja sepasukan. Inisiatif ini dijalankan untuk memudahkan transisi budaya sektor awam kepada satu budaya yang produktivitinya terus meningkat dan dapat memberikan perkhidmatan berkualiti melalui persekitaran pejabat yang beroperasi secara elektronik.

### *Change Management Programme*

*Foresight on the part of the Members of the Commission highlighted a need to help our team members nurture a new mindset in order to embrace and cope with change. Particular attention is placed on the aspect of constant measurement of staff performance via key performance indicators that are to be built into the action plans. A variety of efforts have been initiated since November 2003, to communicate, build loyalty and commitment to the strategic vision that we aspire to achieve as well as inspire a spirit of teamwork. These initiatives were carried out to ease the necessary but demanding transition from a previously predominantly public sector culture to one that is concentrated on continuous productivity improvement and quality service via an electronic office environment.*

**Mencapai penetapan minda yang moden dan baru melalui latihan dan motivasi untuk kakitangan.**

*Achieving a modern new mindset through staff motivation and training.*

**Pembangunan Sumber Manusia**

Kakitangan kami memainkan peranan yang penting dalam tempoh perubahan yang begitu mencabar ini. Peranan dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Kementerian telah diubah selaras dengan penggabungan dan perubahan fungsi serta penetapan hala tuju strategik yang baru.

Pada dua suku terakhir tahun 2003, penekanan diberikan ke atas pelbagai ukuran (dilaksanakan secara berperingkat) untuk memastikan kakitangan semua peringkat memahami tanggungjawab baru masing-masing. Komunikasi dan skim latihan yang berterusan telah dibangunkan untuk memastikan setiap kakitangan dilengkapi dengan latihan secukupnya agar mereka lebih cekap dalam melaksanakan peranan mereka yang baru, bagi penghasilan kerja di tahap optimum dan bermotivasi tinggi. Kesemua inisiatif ini sedang berlangsung dan akan berterusan pada tahun 2004.

***Human Resource Development***

*Our people play a critical role during this period of immense change. Roles and responsibilities previously set by the Ministry have merged or transformed with the merger of functions and the adoption of the new strategic direction.*

*In the last two quarters of 2003, emphasis has been placed on numerous measures (implemented on a stage-by-stage basis) to ensure that staff of all levels understand their new responsibilities. Ongoing communication and training schemes have been established to ensure that everyone is well equipped to be competent in their new strategic roles, to perform at their optimum level and to remain motivated. These are all ongoing initiatives that will continue in 2004.*

**Kakitangan kami tidak mengharungi cabaran baru ini bersendirian. Kami telah menyediakan pelbagai program untuk menyedia, melengkap dan memberikan ganjaran kepada mereka bagi menghadapi tanggungjawab yang baru.**

*Our staff do not face new challenges alone. We have set in place a whole range of programmes to equip, prepare and reward them in their new set of roles and responsibilities.*

**Pembangunan Jabatan Audit Dalam**

Peranan jabatan ini merangkumi penyeliaan proses keseluruhan melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin, untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko dan pengawalan.

***Development of the Internal Audit Department***

*The role of this department includes the function of supervising the overall processes in a systematic and disciplined approach, to evaluate and improve effectiveness of risk management, control and governance.*

**Jawatankuasa Audit memastikan kebolehpercayaan melalui peningkatan dan tanggungjawab penyeliaan sendiri – menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus.**

*The Audit Committee ensures accountability through increased and responsible self-supervision – using a systematic, disciplined approach to evaluate and improve effectiveness of risk management, control and governance.*

## Aktiviti *Activities*

### Tambahan Jumlah Permohonan Carian Nama

Suasana ekonomi yang stabil menggalakkan perusahaan. Jumlah permohonan yang diterima dan nama yang diluluskan pada 2003 adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

### *Increase in the Total Number of Applications for Name Search*

*Stable economic conditions promote enterprise. The total number of applications received and names approved in 2003 was slightly higher than that of the previous year.*

**Carian Nama**
***Company Name Search***

| | 2002 | 2003 |
|---|---|---|
| Bilangan permohonan nama / *No. of applications* | 93,334 | 93,743 |
| Bilangan nama lulus / *No. of names approved* | 55,913 | 57,334 |
| Bilangan nama tolak / *No. of names rejected* | 30,306 | 28,915 |
| Bilangan nama di kureri / *No. of names under query* | 3,481 | 3,270 |




### Jumlah Syarikat Baru yang Diperbadankan dan Perniagaan yang Didaftarkan Meningkat

Jumlah syarikat baru yang diperbadankan pada tahun 2003 meningkat sebanyak 4% manakala jumlah perniagaan baru yang didaftarkan meningkat sebanyak 16% dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh pelbagai perkara, salah satu daripadanya mungkin akibat daripada iklim ekonomi yang lebih optimis di negara ini.

### *Increase in the Total Number of New Companies Incorporated and Businesses Registered*

*The total number of new companies incorporated in 2003 increased by almost 4% while the total number of new businesses registered increased by 16%, when compared to the previous year. This increase can be due to numerous reasons, one of which may be a more optimistic economic outlook in the nation.*

## Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan Baru Bagi Tahun 2003
## *Registration of New Companies and Businesses in 2003*

| Bulan *Month* | Syarikat Tempatan *Local Companies* | Syarikat Asing *Foreign Companies* | Jumlah Syarikat *Total No. of Companies* | | Jumlah Perniagaan *Total No. of Businesses* | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2002 | 2003 | 2002 | 2003 |
| Jumlah / *Total* | 36,082 | 41 | 34,810 | 36,123 | 155,419 | 180,950 |



**2002**



**2003**

Jumlah Syarikat / *Total No. of Companies*   Jumlah Perniagaan / *Total No. of Businesses*

## Pendaftaran Syarikat Baru Mengikut Jenis Syarikat
## *Type of New Companies Registered*

| | 2002 | 2003 |
|---|---|---|
| Syarikat Tempatan – Sendirian Berhad / *Local Companies – Private Limited* | 34,618 | 35,919 |
| Tempatan – Berhad / *Local Companies – Public Limited with Share Capital* | 63 | 85 |
| Syarikat Tempatan –Berhad Dengan Jaminan / *Local Companies – Limited by Guarantee* | 76 | 78 |
| Syarikat Tempatan – Tidak Terhad / *Local Companies – Unlimited* | 0 | 0 |
| Jumlah Syarikat Tempatan / *Total No. of Local Companies Registered* | 34,757 | 36,082 |
| Jumlah Syarikat Asing / *Total No. of Foreign Companies Registered* | 53 | 41 |
| Jumlah Syarikat Tempatan & Asing / *Total No. of Local & Foreign Companies Registered* | 34,810 | 36,123 |



**2002**



**2003**

Syarikat Tempatan - Sendirian Berhad
*Local Companies - Private Limited*

Syarikat Tempatan - Jenis-Jenis Lain
*Local Companies - Others*

Jumlah Syarikat Asing
*Total No. of Foreign Companies Registered*

Syarikat Tempatan - Berhad Dengan Jaminan
*Local Companies - Limited by Guarantee*

Syarikat Tempatan - Berhad
*Local Companies - Limited*

## Pendaftaran Syarikat Mengikut Jenis Perniagaan
## *Type of Companies Registered According to Category of Business*

| | 2002 | 2003 |
|---|---|---|
| 1- Pertanian, Pemburuan, Perhutanan & Penangkapan Ikan<br>*1- Agriculture, Hunting, Forestry & Fisheries* | 593 | 710 |
| 2- Melombong, Kuari, Mengumpul bahan semula jadi<br>*2- Mining, Quarry & Natural Resources* | 108 | 120 |
| 3- Mengilang<br>*3- Manufacture* | 2,914 | 3,061 |
| 4- Bahan guna umum<br>*4- General Utilities* | 57 | 89 |
| 5- Pembinaan<br>*5- Construction* | 6,160 | 6,318 |
| 6- Perdagangan borong, runcit, restoran & hotel<br>*6- Wholesale, Retail, Restaurants & Hotels* | 26,394 | 27,567 |
| 7- Pengangkutan dan komunikasi<br>*7- Transport & Communication* | 2,763 | 3,068 |
| 8- Perkhidmatan kewangan, insuran, harta, pelaburan dan perniagaan<br>*8- Financial, Insurance, Property, Investment and Business Services* | 18,567 | 19,072 |
| 9- Perkhidmatan komuniti, social dan peribadi<br>*9- Commmunity, Social and Personal Services* | 2,129 | 2,429 |
| Lain-lain / *Others* | 3 | 2 |
| Jumlah* / *Total** | 59,688 | 62,436 |

*Nota: Jumlah syarikat melebihi jumlah yang didaftarkan kerana satu syarikat boleh menjalankan lebih daripada satu jenis perniagaan.
**Note: The total number of companies is greater than the total number registered because each company may carry out more than one type of business.*



## Jumlah Syarikat dan Perniagaan yang didaftar
## *Total Registration of Companies and Businesses*

| Negeri *State* | Syarikat Tempatan *Local Companies* | Syarikat Asing *Foreign Companies* | Jumlah Syarikat *Total No. of Companies* No. | % | Jumlah Perniagaan *Total No. of Businesses* No. | % |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 246,315 | 1,087 | 247,402 | 38.5 | 343,197 | 12.8 |
| Selangor | 112,771 | 177 | 112,948 | 17.6 | 494,972 | 18.5 |
| Johor | 58,360 | 66 | 58,426 | 9.1 | 409,792 | 15.3 |
| Sabah | 37,680 | 33 | 37,713 | 5.9 | 0 | 0.0 |
| Sarawak | 37,225 | 26 | 37,281 | 5.8 | 0 | 0.0 |
| Pulau Pinang | 41,813 | 80 | 41,893 | 6.5 | 248,405 | 9.3 |
| Perak | 32,295 | 10 | 32,305 | 5.0 | 281,696 | 10.5 |
| Kedah | 14,862 | 3 | 14,865 | 2.3 | 196,347 | 7.3 |
| Melaka | 13,277 | 6 | 13,283 | 2.1 | 136,793 | 5.1 |
| Negeri Sembilan | 11,146 | 1 | 11,147 | 1.7 | 117,921 | 4.4 |
| Pahang | 10,471 | 6 | 10,477 | 1.6 | 151,042 | 5.6 |
| Kelantan | 8,091 | 5 | 8,096 | 1.3 | 169,853 | 6.3 |
| Terengganu | 6,770 | 4 | 6,774 | 1.1 | 101,261 | 3.8 |
| Perlis | 902 | 0 | 902 | 0.1 | 25,849 | 1.0 |
| Labuan | 1,015 | 1 | 1,016 | 0.2 | 5,277 | 0.2 |
| Tiada kod | 5,219 | 2,545 | 7,764 | 1.2 | 0 | 0.0 |
| Jumlah Keseluruhan *Grand Total* | 638,242 | 4,050 | 642,292 | 100.0 | 2,682,405 | 100.0 |



### Cagaran Pendaftaran dan Pelepasan

Bilangan cagaran pendaftaran dan pelepasan meningkat pada tahun 2003. Statistik ini menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam aktiviti kewangan bank.

### *Registration and Satisfaction of Charges*

*The number of registration and satisfaction of charges increased in the year 2003. The statistics indicate a significant increase in bank financing activities.*

**Gadaian**
***Registration and Satisfaction of Charges***

| | 2002 | 2003 |
|---|---|---|
| Jumlah Sijil / *No. of Certificates (Registration of Charges)* | 20,965 | 23,073 |
| Nilai Cagaran / *Value of Charges* | RM171,840,339,564 | RM214,590,471,786 |
| Bilangan Sijil Pelepasan / *Satisfaction of Charges* | 4,447 | 5,646 |







### Pelesenan Setiausaha Syarikat

Setiausaha Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk penyediaan borang berkanun pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat. Penurunan sebanyak 30% dalam pengeluaran lesen baru dan penurunan sebanyak 37% dalam pembaharuan lesen direkodkan pada tahun 2003. Permohonan adalah berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Sebagai perbandingan, adalah penting dinyatakan disini bahawa lesen hanya diperbaharui sekali dalam tiga (3) tahun. Di samping itu, Suruhanjaya Syarikat telah mengambil daya usaha untuk memantau dan mengawalselia bilangan lesen yang dikeluarkan untuk memastikan hanya calon yang benar-benar berkelayakan diberi lesen.

### *Licensing of Company Secretaries*

*Company Secretaries are responsible for the preparation of statutory forms for lodgement with the Registrar of Companies (ROC). A reduction of 30% in the issuance of new licenses and a reduction of 37% in the renewal of licenses were recorded in 2003. Fewer applications were received in comparison to the year before. For a fair comparison of statistics, it is important to note that the licenses are only renewed once in three (3) years. In addition, the Companies Commission has made efforts to monitor and regulate the number of licenses issued to ensure that only sufficiently qualified candidates are licensed.*

**Pelesenan Setiausaha Syarikat**
***Licensing of Company Secretaries***

| | 2002 | 2003 |
|---|---|---|
| Bil. Permohonan Diterima – Baru / *No. of Applications Received – New* | 411 | 360 |
| Bil. Permohonan Diterima – Perbaharui / *No. of Applications Received – Renewal* | 2,529 | 939 |
| Bil. Lesen Dikeluarkan – Baru / *No. of License(s) Issued – New* | 261 | 183 |
| Bil. Lesen Dikeluarkan – Perbaharui / *No. of License(s) Issued – Renewal* | 2,026 | 1,274 |

### Pelesenan Setiausaha Syarikat
### *Licensing of Company Secretaries*




### Jumlah Bilangan Setiausaha Syarikat Berdaftar dan Pendaftaran Dokumen Berkanun
### *Total No. of Licensed Company Secretaries and Statutory Documents Lodged*

| | 2002 | 2003 |
|---|---|---|
| Bilangan Setiausaha Syarikat Berdaftar<br>*Total No. of Licensed Company Secretaries in Malaysia* | 9,697 | 9,025 |
| Bilangan Pendaftaran Dokumen Berkanun<br>*Total No. of Statutory Documents Lodged with the ROC* | 1,345,953 | 1,258,714 |




Bilangan Setiausaha Syarikat Berdaftar
*Total No. of Licensed Company Secretaries in Malaysia*




Bilangan Pendaftaran Dokumen Berkanun
*Total No. of Statutory Documents Lodged with the ROC*

## Bekalan Maklumat Korporat dan Perniagaan yang Meningkat

Peningkatan produktiviti dalam bekalan maklumat korporat dan perniagaan, yang merupakan salah satu daripada fungsi utama Suruhanjaya Syarikat, telah menghasilkan peningkatan sebanyak 8% dalam jumlah bekalan maklumat korporat pada tahun ini.

## *Increase in the Supply of Corporate and Business Information*

*Improved productivity in the supply of corporate and business information, one of the main functions of the Companies Commission, resulted in an 8% increase in the total amount of corporate information supplied during the year.*

### Statistik Bekalan Maklumat Korporat Bagi Tahun 2003
### *Statistics For the Supply of Corporate Information in 2003*

| *Type of Information* | 2002 | 2003 | *Variance* |
|---|---|---|---|
| Cetakan Komputer Maklumat Syarikat/ *Computer printout of company information* | 309,177 | 311,707 | + 1% |
| Cetakan Komputer Maklumat Perniagaan/ *Computer printout of business information* | 192,199 | 196,712 | + 2% |
| Salinan Dokumen Syarikat yang Disahkan/ *Certified copy of company documents* | 109,827 | 108,200 | - 1% |
| Salinan Dokumen Syarikat yang Tidak Disahkan/ *Uncertified copy of company documents* | 519,498 | 609,484 | + 17% |
| Jumlah / *Total* | 1,130,701 | 1,226,103 | + 8% |

**Statistik Bekalan Maklumat Korporat Bagi Tahun 2003**
***Statistics For the Supply of Corporate Information in 2003***




### Pemeriksaan Intensif

Perancangan yang sesuai dan tenaga kerja yang lebih cekap membolehkan sejumlah 114,046 premis syarikat dan perniagaan diperiksa (untuk pematuhan Akta Syarikat 1965 dan/atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956) pada tahun ini; peningkatan yang ketara berbanding pada tahun sebelumnya. Sebagai contoh, jumlah premis perniagaan yang diperiksa di seluruh Negara pada tahun 2003 (112,607) meningkat sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya (103,820).

### *Intensified Inspection*

*Appropriate planning and a more efficient workforce allowed a total of 114,046 companies and business premises to be inspected (for compliance to the Companies Act 1965 and/or the Registration of Businesses Act 1956) during the year; a significant increase from the previous year. For example, the total number of business premises inspected on a nationwide scale in 2003 (112,607) increased by 8% when compared to the previous year (103,820).*

**Pemeriksaan Ke Atas Syarikat dan Perniagaan Bagi Tahun 2003 Mengikut Negeri**
***Inspection of Companies and Businesses in 2003 According to State***

| Negeri *State* | Akta Syarikat 1965 *Companies Act 1965* | Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 *Registration of Businesses Act 1956* | Bilangan Pemeriksaan *No. of Inspections* |
|---|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 518 | 16,817 | 17,335 |
| Johor | 250 | 12,664 | 12,914 |
| Sabah | 33 | 0 | 33 |
| Sarawak | 37 | 0 | 37 |
| Pulau Pinang | 70 | 20,844 | 20,914 |
| Perak | 25 | 16,443 | 16,468 |
| Kedah | 235 | 13,656 | 13,891 |
| Melaka | 121 | 6,662 | 6,783 |
| Pahang | 22 | 7,558 | 7,580 |
| Kelantan | 88 | 9,833 | 9,921 |
| Terengganu | 8 | 6,777 | 6,785 |
| Labuan | 32 | 1,353 | 1,385 |
| Jumlah / *Total* | 1,439 | 112,607 | 114,046 |

**Pemeriksaan Ke Atas Syarikat dan Perniagaan Bagi Tahun 2003 Mengikut Negeri**
***Inspection of Companies and Businesses in 2003 According to State***







**Tambahan Bilangan Syarikat dan Perniagaan Yang Didakwa**

Langkah penguatkuasaan yang lebih berkesan menyebabkan peningkatan dalam jumlah syarikat dan perniagaan yang didakwa pada tahun ini. Statistik adalah ketara walaupun jumlah pegawai penguatkuasa adalah kecil.

***Increase in the Number of Companies and Businesses Prosecuted***

*Effective enforcement measures caused an increase in the total number of companies and businesses prosecuted during the year. The statistics are remarkable despite the existing small team of enforcement officers.*

**Pendakwaan Di Bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 Bagi Tahun 2003**
***Number of Cases Prosecuted for Non-Compliance in 2003 by State***

| Negeri<br>*State* | Akta Syarikat 1965<br>*Companies Act 1965* | Akta Pendaftaran Perniagaan 1956<br>*Registration of Businesses Act 1956* | Jumlah Kes Pendakwaan<br>*No. of Cases Prosecuted* |
|---|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 206 | 127 | 333 |
| Johor | 49 | 17 | 66 |
| Sabah | 60 | 0 | 60 |
| Sarawak | 27 | 0 | 27 |
| Pulau Pinang | 200 | 97 | 297 |
| Perak | 106 | 151 | 257 |
| Kedah | 59 | 151 | 210 |
| Melaka | 139 | 47 | 186 |
| Pahang | 9 | 4 | 13 |
| Kelantan | 92 | 68 | 160 |
| Terengganu | 4 | 45 | 49 |
| Labuan | 0 | 2 | 2 |
| Jumlah Keseluruhan<br>*Grand Total* | 951 | 709 | 1,660 |

## Pendakwaan Di Bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 Bagi Tahun 2003
## *Number of Cases Prosecuted for Non-Compliance in 2003 by State*




Akta Syarikat 1965
*Companies Act 1965*




Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
*Registration of Businesses Act 1956*

Nota: Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak
*Note: The Registration of Businesses Act 1956 is not applicable in Sabah and Sarawak*

### Jumlah Pendapatan Yang Meningkat

Pendapatan telah meningkat kepada sebanyak RM228.7 juta yang telah dikutip pada tahun 2003 berbanding RM155.7 juta pada tahun sebelumnya.

### *Substantial Increase In Revenue*

*A substantial increase in revenue totalling RM 228.7 million was collected in the year 2003 compared to RM 155.7 million in the previous year.*

### Kutipan Hasil Sehingga 31 Disember 2003
### *Revenue Collection Up to 31 December 2003*

| Hasil *Income* | Syarikat *Companies* | Perniagaan *Businesses* | Jumlah *Total* |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran & Perkhidmatan / *Registration & Miscellaneous Services* | 146,314,680 | 53,298,978 | 199,613,658 |
| Kompoun / *Compound* | 5,788,190 | 13,244,307 | 19,032,497 |
| Program Latihan Pengarah Korporat / *Corporate Directors Training Programme* | – | – | 2,514,157 |
| Dividen / *Dividend* | – | – | 7,513,157 |
| Lain-lain / *Others* | – | – | 59,757 |
| Pulangan Pendapatan / *Income Refund* | – | – | (7,405) |
| Jumlah Keseluruhan / *Grand Total* | 152,102,870 | 66,543,285 | 228,726,234 |




**Syarikat / *Companies***




**Perniagaan / *Businesses***

Pendaftaran & Perkhidmatan
*Registration & Miscellaneous Services*

Kompoun
*Compound*




# PERISTIWA PENTING

# *EVENTS*



# Peristiwa Penting

## Ubahsuai Pejabat-Pejabat Negeri untuk Meningkatkan Tahap Kecekapan

- **Disember**: Pengubahsuaian semua pejabat negeri telah siap. Setiap Pejabat Negeri menonjolkan identiti korporat Suruhanjaya Syarikat yang baru. Ia mempunyai kaunter penerangan yang menyediakan maklumat korporat dan perniagaan yang diminta oleh pihak awam, serta menyediakan persekitaran yang selesa dan kondusif untuk pelanggan.

## Ke arah Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan

- **22 Januari**: Suruhanjaya Syarikat dan Pos Malaysia Bhd menandatangani perjanjian Jaringan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan pembaharuan sijil pendaftaran perniagaan melalui pejabat pos mulai 5 Februari. 30% pelanggan yang biasa ke Suruhanjaya Syarikat tahun ini telah mendapat perkhidmatan ini di pejabat pos.
- **15 Jun**: Visi, Misi dan Objektif Strategik yang baru dikenal pasti dengan 'in-put' daripada profesional mahir yang bebas, objektif dan mahir dalam proses penjanaan semula operasi dan pengurusan perubahan – untuk membawa Suruhanjaya Syarikat ke abad 21 dan meningkatkan model operasi kami untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan pelanggan.

## Mendekati Pelanggan Kami

Wakil-wakil kakitangan kami mengadakan lawatan ke seluruh negara melalui pameran Bengkel Teknikal Skim Bantuan Kewangan Untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan mereka telah berperanan sebagai pemudah cara Bengkel:

- **20-21 Mac**: Utara Semenanjung (Kedah, Pulau Pinang dan Perak)
- **5-6 Jun**: Malaysia Timur (Kota Kinabalu)
- **29-30 Julai**: Malaysia Timur (Kuching)
- **23-24 September**: Selatan Semenanjung (Melaka dan Johor)

Kami juga turut menyertai:

- **25-28 Julai**: Ekspo Pameran Pengguna di Johor Bahru anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

# *Events*

## *Renovation of State Offices to Boost Efficiency*

- ***December**: Renovation of all state offices was completed. Each office represents the Companies Commission's new corporate identity, has information counters that provide corporate and business information that the public may wish to obtain, and provides a comfortable and conducive environment for the public or our customers.*

## *Towards Excellence in Customer Service*

- ***January 22**: The Companies Commission and Pos Malaysia Bhd signed a Public Service Network (PSN) agreement to allow renewal of business registration certificates via post offices with effect from February 5. Up to 30% of usual traffic at the Companies Commission was channelled to post offices.*
- ***June 15**: Our new Vision, Mission and Strategic Objectives were ascertained – with input from a non-biased, third-party professional skilled in the field of business process reengineering and change management – to bring the Companies Commission into the 21st century and enhance our operating model to achieve excellence in customer service.*

## *In Touch With Our Customers*

*Our team went on a road tour across the nation through exhibition at SMIDEC's Technical Workshop on Grants for Small & Medium Enterprise (Bengkel Teknikal Skim Bantuan Kewangan Untuk Enterprise Kecil & Sederhana) where staff of the Companies Commission served as Workshop Facilitator(s):*

- ***March 20–21**: North Peninsular (Kedah, Pulau Pinang and Perak)*
- ***June 5-6**: East Malaysia (Kota Kinabalu)*
- ***July 29-30**: East Malaysia (Kuching)*
- ***September 23-24**: South Peninsular (Melaka and Johor)*

*Additionally we also participated in:*

- ***July 25-28**: The Consumer Expo (Ekspo Pameran Pengguna) in Johor Bahru organised by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs.*

- **14-19 Oktober**: Pameran secara kerjasama dengan Kementerian di Pusat Konvensyen Putrajaya di Ekspo Persidangan Pertubuhan Islam 2003 di Malaysia.

**Kami Mendengar Pandangan Rakan Kami**

Jaringan berterusan dan pertukaran pendapat dengan badan pengawalseliaan, profesional dan korporat membolehkan kami membuat semakan semula hal ehwal semasa melalui skop kerjasama strategik untuk membangunkan sektor korporat dan perniagaan.

- **30 Mei**: Taklimat Perniagaan oleh Royal Mint Exchange Sdn. Bhd.
- **7-9 Julai**: Perkongsian pengetahuan teknikal dengan wakil daripada Pendaftar Syarikat, Pakistan–Muhammad Musharraf Khan, Pendaftar Bersama Syarikat, dan Muhammad Siddique, Pendaftar Tambahan Syarikat mengadakan dialog selama tiga hari dengan Suruhanjaya Syarikat.
- **24 Julai**: Dialog dengan Board of Committee of the Malaysian Franchising Association (MFA) tentang keperluan pematuhan Akta Syarikat 1965 dan Pendaftaran Akta Perniagaan 1956.
- **16 Ogos**: Sesi taklimat dengan Pegawai dari Jabatan Ekonomi Emiriah Arab Bersatu yang mengadakan misi perdagangan ke Malaysia.
- **1 Oktober**: Kunjungan hormat Gordon Jones, Pendaftar Syarikat di Hong Kong, dan Peter Weir, Pendakwaraya Kanan bagi Pejabat Syarikat di Auckland, New Zealand.

- ***October 14-19****: A collaboration with the Ministry on an exhibition at the Putrajaya Convention Centre during the Organization of Islamic Conferences 2003 Expo (Ekspo OIC'2003) in Malaysia.*

***We Listen To Our Partners***

*Regular networking and exchange of ideas with regulatory, professional and corporate bodies allowed a review of current affairs and scope for strategic collaboration to develop the corporate and business sectors.*

- ***May 30****: Briefing conducted by Royal Mint Exchange Sdn Bhd.*
- ***July 7-9****: Sharing of know-how with representatives from the Registrar of Companies, Pakistan – Muhammad Musharraf Khan, Joint Registrar of Companies, and Muhammad Siddique, Additional Registrar of Companies spent three (3) days in dialogue with the Companies Commission.*
- ***July 24****: Dialogue with the Board of Committee of the Malaysian Franchising Association (MFA) on compliance requirements of the Companies Act 1965 and the Registration of Businesses Act 1956.*
- ***August 16****: Briefing session with Officers from the Economic Department of the United Arab Emirates who were on a trade mission to Malaysia.*
- ***October 1****: Courtesy visit by Gordon Jones, Registrar of Companies in Hong Kong, and Peter Weir, Senior Solicitor of Companies Office in Auckland, New Zealand.*





**Komunikasi Korporat untuk Tadbir Urus Berkesan**

- **2003**: Laman web korporat Suruhanjaya Syarikat, brosur, buletin dan bahan-bahan penerbitan lain disediakan di kaunter penerangan di setiap pejabat negeri. Ia bertujuan untuk memberi penerangan tentang peranan dan aktiviti Suruhanjaya Syarikat kepada orang awam.
- **11 April**: Pengumuman Awam Bil. 1 Tahun 2003 disebarkan untuk memaklum orang awam tentang kaedah yang sesuai untuk bayaran kepada Suruhanjaya Syarikat.



- **Setiap bulan mulai Julai**: Program Hari Bersama Pelanggan menjadualkan hari khusus untuk memberi akses kepada orang awam secara langsung kepada pasukan kakitangan kami, di samping perhatian yang tidak berbelah bahagi terhadap semua aduan, penyiasatan dan penyelesaian masalah. Komunikasi dua-hala telah menghasilkan hubungan kerja yang positif serta banyak petunjuk dapat dibina dan dibaiki. Program ini akan diteruskan pada tahun 2004 memandangkan kejayaan besar yang dicapai dalam mengumpul maklum balas pelanggan dan meningkatkan imej korporat Suruhanjaya Syarikat.
- **Akhir Disember**: Sesi taklimat tiga hari dijalankan untuk membantu pegawai dari pelbagai jabatan yang dilantik (berdasarkan giliran secara bulanan) mengendalikan Unit Hot-Line harian. Perkhidmatan tersebut membolehkan Suruhanjaya Syarikat diakses oleh pelanggan yang tidak ada masa untuk mengunjungi Suruhanjaya, mengurangkan bilangan pengunjung ke pejabat dan membantu mendidik orang awam tentang isu yang berkaitan dengan pematuhan. Program ini mendapat sambutan baik dari pihak awam dan akan diteruskan dengan memperkembangkan infrastruktur sedia ada, sejajar dengan komitmen ke arah kecemerlangan perkhidmatan pelanggan.

***Corporate Communications for Effective Governance***

- ***2003**: The Companies Commission's corporate website, as well as new brochures, bulletins and other materials available at the information counters of each office are aimed at communicating its role and activities to the public.*
- ***April 11**: A public circular (Pengumuman Awam Bil. 1 Tahun 2003) was disseminated to inform the general public on appropriate methods of payment to the Companies Commission.*



- ***Every month since July**: The 'Hari Bersama Pelanggan' programme has scheduled specific days devoted to providing opportunity for the general public to have direct access to our entire team, as well as our undivided attention on all manner of queries, investigation and research into resolution of predicaments. Two-way communication has produced positive working relationships and a lot of indicators for aspects that we can build or improve on. This programme will continue into 2004 as it has been a great success in gathering customer feedback whilst at the same time enhancing the corporate image of the Companies Commission.*
- ***End December**: A three (3) day briefing session was conducted to benefit officers from various departments who had been appointed (on a monthly rotational basis) to man the daily Hot-Line Unit. The service makes the Companies Commission accessible to those who do not have time to visit, lessens human traffic to our offices and helps educate the general public on issues related to compliance. A popular and essential service, we intend to further develop the infrastructure required, in line with our commitment to excellence in customer service.*

### Amalan Terbaik dan Tanda Aras

Beberapa wakil dari Suruhanjaya Syarikat telah mengadakan beberapa lawatan kerja untuk meneroka amalan dan pembangunan perniagaan dalam pentadbiran dan pengurusan Pejabat Pendaftar Korporat di luar Negara:

- **25-28 Februari**: Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan tiga (3) wakil pengurusan menyertai Forum Pendaftar Korporat Asia Pasifik di Auckland, dan menjalankan lawatan kerja ke Companies Office semasa di New Zealand.
- **28 Mei**: Pengerusi Suruhanjaya Syarikat melawat Companies House di United Kingdom.
- **15-20 Oktober**: KPE mengetuai sekumpulan lima (5) orang anggota kerja dalam rangka kerja lawatan ke Companies House, Department of Trade and Industry dan Institute of Chartered Secretaries and Administrators *(ICSA)* di United Kingdom.

### *Best Practice and Benchmarking*

*Representatives from the Companies Commission went on working trips to explore business practice and developments in corporate management abroad.*

- ***February 25-28**: Our CEO and three (3) representatives of management participated in the Asia Pacific Corporate Registers Forum in Auckland, and paid a working visit to the Companies Office whilst in New Zealand.*
- ***May 28**: Our Chairman visited Companies House in the United Kingdom.*
- ***October 15-20**: Our CEO led a team of five (5) working members on a visit to Companies House, the Department of Trade and Industry (DTI) as well as the Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) in the United Kingdom.*





### Kerjasama dengan Industri

Kami bertekad untuk melaksanakan piawai global yang terbaik mentadbir syarikat tempatan, bekerjasama dan merujuk kepada pihak-pihak yang berkepentingan menentukan amalan yang terbaik.

- **9 Jun**: Kerjasama dengan Basis Corporation Sdn Bhd. diumumkan secara rasmi oleh Perdana Menteri semasa pelancaran buku "Malaysia 1000". (Malaysia 1000 ialah direktori yang mengandungi maklumat gambaran menyeluruh tentang kejayaan syarikat di Malaysia tentang prospek masa depan yang membolehkan orang awam menilai produktiviti syarikat yang berprestasi tinggi. Direktori ini diterbitkan setahun sekali bertujuan untuk memenuhi kehendak korporat dan perniagaan domestik dan asing, penyelidik, ahli akademik dan mereka yang berminat memerlukan maklumat lengkap dan terkini tentang perniagaan di Malaysia.)

### *Collaboration With The Industry*

*We endeavour to apply the best in global standards to our domestic front, thus we collaborate and consult with our stakeholders to ensure the delivery of best practice and solutions.*

- ***June 9**: A collaboration with Basis Corporation Sdn Bhd, was formally announced by the Prime Minister during the official book launch for "Malaysia 1000". (Malaysia 1000 is a directory which provides a comprehensive picture of the achievements of Malaysian companies in the past and present, with notes on future prospects; thus enabling the public to assess productivity of top performing companies. To be published annually, this directory is aimed at meeting the needs of domestic and foreign corporate and business communities, researchers, academicians and other interested parties who require complete, accurate and up-to-date information on businesses in Malaysia.)*

- **1 Disember**: Draf Rang Undang-Undang meminda Akta Syarikat 1965 dalam melaksanakan cadangan Jawatankuasa Kewangan Tentang Tadbir Urus Korporat diedarkan kepada semua badan profesional, badan pengawalseliaan lain, pertubuhan bank dan industri untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mereka.
- **3 Disember**: Kertas kerja "Consultative Document In Respect of Limited Liability Partnership Act" *(LLP)* diterbitkan oleh Suruhanjaya Syarikat, mempelawa input dan pendapat awam dalam menubuhkan akta baru untuk ditadbir oleh Suruhanjaya Syarikat.
- **17 Disember**: Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat *(CLRC)* ditubuh untuk menjalankan semakan semula tentang perundangan, polisi berkanun dan piawai antarabangsa dalam meningkatkan daya saing sektor korporat dan ekonomi Negara. Jawatankuasa terdiri daripada tujuh belas (17) orang pakar dari sektor awam dan korporat yang dipengerusikan oleh Dato' K.C. Vohrah (Bekas Hakim Mahkamah Rayuan), diumumkan secara rasmi oleh Menteri.

### Inisiatif Strategik

- **2003**: Projek migrasi perpindahan data dari sistem kerangka utama kepada sistem server berdasarkan web berterusan dilaksana ke arah peningkatan perkhidmatan pelanggan.

Berkenaan Projek Hala Tuju Strategik, Suruhanjaya Syarikat telah melantik perunding luar untuk mempertingkatkan perkhidmatan dalaman dan memperoleh kepakaran dari pihak ketiga.

